

7

Perdagangan Luar Negeri, Imbangan Pembayaran dan Pertukaran Wang Asing

Prestasi Eksport

Prestasi eksport dagangan dianggap mencatatkan lagi pertumbuhan yang kukuh, meningkat sebanyak 22.1% pada tahun 1994 (1993: 16.9%). Pertumbuhan yang kuat ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan eksport barang-barang perkilangan yang ketara sebanyak 28%. Dengan kenaikan yang pesat ini, sumbangan eksport barang-barang perkilangan kepada jumlah pendapatan eksport dijangka meningkat lagi daripada 74% pada tahun 1993 kepada 77.5% pada tahun 1994. Prestasi eksport perkilangan yang menggalakkan ini adalah berikutan kekukuhan permintaan luar negeri ekoran pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan di negara-negara perindustrian utama serta perluasan dan pendalaman asas sektor perkilangan yang berterusan dalam ekonomi selaras dengan kenaikan pelaburan yang ketara dalam sektor ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, pendapatan eksport sektor perlombongan dijangka terus merosot sebanyak 18.9% (1993: -11.7%) terutamanya disebabkan kemerosotan kuantiti dan harga eksport timah, minyak mentah dan gas cecair asli (LNG) secara berterusan. Sebaliknya, pendapatan eksport komoditi pertanian utama dijangka meningkat sebanyak 12.4% pada tahun 1994 (1993: 1.3%), memandangkan kedudukan harga komoditi pertanian utama yang bertambah baik. Namun begitu, sumbangan eksport komoditi utama kepada jumlah pendapatan eksport dijangka terus merosot kepada 18.4% (1993: 22.5%).


Eksport Barangan Perkilangan

Eksport perkilangan terus menyumbangkan bahagian terbesar daripada jumlah eksport. Dalam tujuh bulan pertama tahun 1994, eksport perkilangan meningkat sebanyak 31.1% dan

menyumbangkan kira-kira 78.3% daripada jumlah eksport. Pertumbuhan ketara ini disebabkan perkembangan mampan permintaan luar negeri dengan jangkaan pemulihan beberapa rakan dagangan utama Malaysia. Dalam pada itu, pertumbuhan pesat di rantau Asia Pasifik juga telah meningkatkan pasaran bagi eksport perkilangan Malaysia. Tambahan pula, lebih banyak langkah-langkah telah diambil untuk memasuki pasaran bukan tradisi, khususnya negara-negara Dunia Ketiga di Asia Selatan, Amerika Tengah dan Selatan serta Ocenia, juga telah menghasilkan kenaikan permintaan bagi barangan perkilangan Malaysia. Perluasan asas perkilangan Malaysia juga telah membantu meningkatkan eksport perkilangan.

Selaras dengan perubahan pesat dalam suasana antarabangsa, industri perkilangan di Malaysia perlu diubahsuai supaya eksport perkilangan Malaysia dapat terus kekal bersaing. Kejayaan penyelesaian Pusingan Uruguay mengenai Perundingan Dagangan Pelbagai Hala akan mendorong kepada liberalisasi perdagangan yang lebih besar iaitu boleh mendatangkan kesan positif kepada eksport perkilangan Malaysia. Sebaliknya, Malaysia juga telah menawarkan untuk mengurangkan dan menghapuskan tarif keatas 7,197 item (yang meliputi 5,900 keluaran perindustrian dan keluaran pertanian yang lain). Selain daripada itu, penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah dan akan mendorong kepada pengurangan tarif yang lebih besar, bermula daripada 1 Januari 1994, apabila ahli-ahli telah bersetuju untuk melaksanakan pakej pengurangan tarif permulaan (1 Jun 1994 bagi Brunei). Sungguhpun perkembangan ini akan terus melonggarkan perdagangan, tetapi pada masa yang sama akan mengakibatkan persaingan yang lebih hebat kepada pengilang-pengilang Malaysia.

Carta 7.1
Struktur Eksport



Angka-angka di dalam rajah merupakan peratus daripada jumlah

Penubuhan pasaran tunggal Eropah dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) akan memberi kesan sampingan ke atas eksport Malaysia. Pasaran Amerika Syarikat (AS) sahaja menyumbangkan lebih daripada 20% daripada jumlah eksport perkilangan dari Malaysia. Dengan NAFTA, persaingan eksport dari Mexico akan bertambah kerana penghapusan tarif dan bukan tarif oleh NAFTA akan membolehkan eksport Mexico mempunyai faedah persaingan yang lebih besar di pasaran AS.

Cabaran seterusnya yang dihadapi oleh beberapa pengeksport perkilangan Malaysia ialah kemungkinan penarikan Sistem Keutamaan Am (GSP). Pengilang-pengilang harus menyedari bahawa GSP adalah cuma kemudahan sementara yang mana sebenarnya akan dihapuskan pada masa depan. Pada tahun 1993, eksport GSP menyumbangkan kira-kira 13.5% daripada jumlah eksport. Kira-kira 86% daripadanya terdiri daripada eksport perkilangan. Kesatuan Eropah (EU), AS dan Jepun kekal sebagai destinasi utama bagi

eksport GSP Malaysia, dengan EU menyumbangkan kira-kira 48%, AS 29% dan Jepun 13%. Destinasi lain termasuk Australia, New Zealand, Canada dan negara-negara Nordic, Switzerland, Eropah Timur dan Russia. Dengan kepesatan kadar industrialisasi dan tahap pendapatan turut meningkat, status GSP untuk Malaysia akan ditamatkan pada suatu ketika. Oleh itu, pengeksport Malaysia khususnya pengilang-pengilang mesti menyesuaikan kearah hakikat ini dan memperbaiki produktiviti dan kecekapan untuk kekal bersaing dalam pasaran ini.

Beberapa kumpulan eksport perkilangan telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang kukuh dalam tempoh separuh pertama tahun 1994. Ini termasuklah eksport keluaran elektrik dan elektronik, keluaran berasaskan kayu, keluaran kimia dan keluaran galian bukan logam, seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.1. Walau bagaimanapun, beberapa kumpulan eksport perkilangan mencatatkan pengurangan seperti eksport keluaran petroleum dan besi dan keluli.

Jadual 7.1

Eksport Perkilangan

	1993 (% sumbangan)	% perubahan	
		1993 Januari-Jun	1994 Januari-Jun
Keluaran elektrik, elektronik dan jentera	61.5	32.2	39.4
Tekstil, pakaian dan kasut	6.1	7.1	9.5
Makanan, minuman dan tembakau	2.8	3.3	20.8
Kayu dan keluaran kayu	5.3	73.7	41.9
Keluaran getah	2.7	24.8	13.3
Keluaran petroleum	1.9	53.1	-8.5
Kimia dan keluaran kimia	3.9	13.9	35.6
Keluaran galian bukan logam	1.2	13.7	36.9
Besi dan keluli dan barang perkilangan logam	3.5	48.3	11.9
Kelengkapan pengangkutan	4.1	68.9	56.7
Lain-lain	7.0	23.0	7.0
JUMLAH	100.0	31.1	32.6

Sumber: Jabatan Perangkaan

Pasaran tradisi seperti AS, EU, Jepun dan Singapura kekal sebagai destinasi utama eksport perkilangan Malaysia. Sumbangan eksport perkilangan sebagai peratusan kepada jumlah eksport perkilangan ke EU telah berkurang daripada 16.3% pada tahun 1993 ke 15.1% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994. Sebaliknya, eksport perkilangan ke pasaran bukan tradisi telah meningkat. Ekonomi-ekonomi Asia Timur seperti Hong Kong, Taiwan dan China khususnya telah meningkatkan import barangan perkilangan Malaysia dalam beberapa tahun lepas. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, eksport barangan perkilangan ke negara-negara ini menyumbangkan kira-kira 11% daripada jumlah eksport perkilangan, berbanding dengan 10.1% pada tahun 1993.

Jadual 7.2

Haluan Negara Utama bagi Eksport Perkilangan¹
(% daripada jumlah)

	1993	1994 Januari-Jun
Amerika Syarikat	27.3	26.9
Kesatuan Eropah:	16.3	15.1
United Kingdom	5.2	4.5
Jerman	4.6	3.9
Jepun	8.6	8.8
Singapura	23.2	24.1
Lain-lain	24.6	25.1
JUMLAH	100.0	100.0

¹ Termasuk SITC 1, 5, 6, 7 dan 8.

Sumber: Jabatan Perangkaan

Komposisi eksport perkilangan masih berasas kecil dan tertumpu terutamanya dalam eksport elektrik dan elektronik, tekstil dan keluaran kayu: Tiga keluaran ini keseluruhannya menyumbangkan hampir dua pertiga daripada eksport perkilangan. Eksport keluaran elektrik dan elektronik telah meningkatkan sumbangannya dalam jumlah eksport perkilangan dengan ketara, daripada 48% pada tahun 1980 kepada 62.7% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994. Pada masa yang sama, sumbangan eksport keluaran yang lain seperti keluaran kayu dan getah serta kelengkapan pengangkutan telah meningkat, menyumbangkan kira-kira 13.7% daripada jumlah eksport perkilangan berbanding dengan 12.3% pada tahun 1980.

Keluaran Elektrik, Elektronik dan Jentera

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, eksport **keluaran elektrik, elektronik dan jentera** berkembang pesat sebanyak 39.4% (Januari-Jun 1993: 32.2%), kekal sebagai penyumbang

pendapatan pertukaran asing terbesar dan menyumbangkan kira-kira 62.7% daripada jumlah nilai eksport perkilangan. Permintaan mampan dari negara-negara perindustrian utama, khususnya bagi komponen elektronik, peralatan elektrik serta keluaran telekomunikasi telah menyebabkan industri ini berkembang pesat. Dari segi sumbangan kepada jumlah eksport sektor ini, keluaran elektrik dan elektronik menyumbangkan kira-kira 91% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 (Januari-Jun 1993: 90%) manakala jentera menyumbangkan kira-kira 9% (Januari-Jun 1993: 10%).

Eksport **keluaran elektronik** terdiri daripada tiga kategori utama iaitu komponen elektrik, elektronik penggunaan dan elektronik perindustrian. Jumlah eksport keluaran ini berkembang pesat sebanyak 42% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, berbanding dengan 37.8% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Pertumbuhan eksport yang tinggi bagi keluaran elektronik disebabkan terutamanya perkembangan pesat eksport sektor kecil komponen elektronik, yang meningkat sebanyak 29% dalam tempoh yang dikaji. Pasaran utama bagi eksport komponen elektronik ialah AS, United Kingdom (UK), Singapura, Taiwan, Jepun dan Hong Kong. Peralatan separa pengalir merupakan penyumbang komponen utama kepada eksport elektronik dan Malaysia adalah salah satu pengeluar dan pengeksport separa pengalir terbesar di dunia. Pada tahun 1993, Malaysia menyumbangkan kira-kira 25% daripada jumlah jualan (RM75 bilion) separa pengalir dunia. Eksport peralatan separa pengalir termasuk keluaran litar bersepadu, 'memories', pemproses mikro, elektronik opto serta peralatan ketenteraan. Malaysia juga mengeluar dan mengeksport dengan jumlah yang besar bagi komponen elektronik lain seperti kapasitor, suis 'relay', penukar dan alatan 'disk-drive'. Walau bagaimanapun, industri elektronik sangat bergantung kepada komponen import. Dengan itu, pertumbuhan eksport juga mengakibatkan kenaikan import komponen elektronik.

Pertumbuhan eksport **elektronik perindustrian**, iaitu termasuk elektronik pejabat, komputer, telekomunikasi, pengawalan perindustrian serta peralatan elektronik, berkembang pesat sebanyak 58.2% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 berbanding dengan kenaikan 35.7% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Demikian juga bagi eksport **elektronik**

penggunaan, iaitu yang terdiri daripada peralatan audio-video dan barangan elektronik isi rumah meningkat sebanyak 45.1% (Januari-Jun 1993: 32.6%). Eksport keluaran elektronik penggunaan seperti alat penerimaan televisyen dan perakam suara atau pengeluaran semula meningkat pesat masing-masing sebanyak 38.6% dan 61% dalam tempoh separuh pertama berikutan permintaan luar negeri yang mampan. Dengan pemulihan ekonomi AS serta pertumbuhan kukuh yang berterusan di negara-negara Asia-Pasifik, permintaan terhadap elektronik penggunaan telah meningkat. Selain daripada itu, negara-negara Eropah juga telah beralih kepada keluaran elektronik penggunaan yang murah memandangkan mereka tidak lagi mampu bersaing untuk mengeluarkan keluaran tersebut di Eropah.

Berikutan langkah-langkah berterusan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mempelbagaikan industri elektronik, struktur eksport keluaran elektronik telah berubah dengan ketara. Sumbangan komponen elektronik kepada eksport industri elektronik telah berkurang daripada kira-kira 50% pada tahun 1990 kepada 34% pada tahun 1993, manakala eksport elektronik penggunaan dan perindustrian telah meningkatkan sumbangan mereka masing-masing kepada 23% dan 25%.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, eksport **keluaran elektrik** terutama terdiri daripada peralatan elektrik, kabel dan dawai serta keluaran elektrik lain meningkat sebanyak 29.5% (Januari-Jun 1993: 23.7%). Eksport **peralatan elektrik** iaitu termasuk peti sejuk, pemasak nasi, mesin basuh, pendingin udara dan kipas angin berkembang sebanyak 15.7% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994. Kenaikan ini disebabkan permintaan luar negeri yang kukuh terutamanya dari AS dan negara Asia-Pasifik yang lain. Sektor peralatan elektrik juga adalah penyumbang utama kepada prestasi eksport industri elektrik yang kukuh dan menyumbangkan kira-kira 27.5% daripada jumlah perolehan eksport keluaran elektrik. Malaysia sekarang ini adalah pengeksport pendingin udara bilik terbesar di dunia. Eksport **kabel dan dawai** iaitu termasuk pelbagai jenis kabel tenaga dan telekomunikasi meningkat terutamanya oleh permintaan luar negeri yang menggalakkan, manakala keluaran elektrik yang lain (seperti sel kering, bateri dan lampu serta tiub elektrik) meningkat sebanyak 38.7% (Januari-Jun 1993: 25.2%).

Jadual 7.3
Haluan Negara Utama bagi Eksport Komponen Elektronik
(Januari-Jun)

Negara	1993		1994		Perubahan tahunan (%)
	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	
Amerika Syarikat	3,308.3	37.5	3,989.9	35.0	20.6
Singapura	1,620.8	18.3	2,498.5	21.9	54.2
Jepun	851.8	9.6	948.4	8.3	11.3
Hong Kong	703.1	7.9	784.3	6.9	11.5
United Kingdom	681.6	7.7	858.5	7.5	25.9
Jerman	355.8	4.0	367.6	3.2	3.3
Lain-lain	1,322.9	15.0	1,948.3	17.2	47.3
JUMLAH	8,844.3	100.0	11,395.5	100.0	28.8

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Eksport **jentera**, iaitu terdiri daripada jentera penjaan tenaga dan peralatan, jentera industri logam serta peralatan, jentera khusus untuk penggunaan perindustrian, jentera untuk industri logam serta peralatan dan jentera perindustrian am, mencatatkan pertumbuhan mampan sebanyak 26.6% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, berbanding dengan 27.3% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Pertumbuhan yang memberangsangkan ini adalah berikutan daripada permintaan luar negeri yang tinggi bagi jentera dan peralatan perindustrian, yang berkembang sebanyak 28.3% (Januari-Jun 1993: 24.7%), disebabkan kenaikan permintaan. Ini adalah kesan daripada prestasi ekonomi yang lebih baik di beberapa negara pengimport utama seperti AS dan UK. Kejayaan memasuki pasaran baru bukan tradisi di Amerika Latin, Timur Tengah dan China juga telah membantu meningkatkan eksport. Eksport jentera penjaan tenaga termasuk penjana kuasa, logi elektrik dan peralatan serta enjin piston pembakaran dalaman dan peralatan telah meningkat sebanyak 37.7%.

Berikutan pemulihan aktiviti-aktiviti ekonomi di negara-negara perindustrian utama, eksport keluaran elektronik, elektrik dan jentera dijangka terus meningkat. Dengan matlamat Kerajaan untuk mempelbagaikan asas perindustrian dan untuk mengurangkan penumpuan industri elektronik ke atas pengeluaran separa pengalir, struktur eksport industri ini akan menunjukkan keluaran yang pelbagai jenis pada masa depan.

Tekstil, Pakaian dan Kasut

Eksport **tekstil, pakaian dan kasut** merupakan salah satu sumber utama pendapatan pertukaran asing bagi sektor perkilangan. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, eksport bagi serabut tekstil meningkat sebanyak 9.5% (Januari-Jun 1993: 7.1%). Bagi benang tekstil dan kain, eksportnya meningkat sebanyak 25.1% sementara eksport kasut merosot sebanyak 1.7% (Januari-Jun 1993: 26.9% dan 6.5%). Industri tekstil dan pakaian adalah lebih berorientasikan eksport, memandangkan pasaran dalam negeri yang kecil.

Ini dicerminkan oleh permohonan pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Daripada sejumlah 47 perniagaan tekstil dan pakaian yang telah diluluskan pada tahun 1993, 22 atau 46.8% akan mengeksport sekurang-kurangnya 50% daripada keluaran mereka.

Eksport **pakaian**, khususnya menyumbangkan kira-kira 60% daripada jumlah eksport tekstil dan pakaian. Pasaran utama bagi eksport tekstil dan pakaian terdiri daripada AS, EU dan Kanada, iaitu kesemuanya mengimport kira-kira 70% daripada jumlah eksport tekstil dari Malaysia. Walau bagaimanapun, negara-negara ini mengawal import tekstil ke negara mereka melalui Perjanjian Pelbagai Serabut. Pada masa sekarang, Malaysia telah menandatangani lima perjanjian tekstil dua hala dengan AS, Kanada, Norway dan Finland. Perjanjian ini meliputi tempoh dua tahun dan akan dirunding semula selepas tempoh itu. Di bawah perjanjian ini, kuota import ditentukan untuk melindungi industri tekstil tempatan di negara tersebut. Pasaran utama lain bagi eksport tekstil dan pakaian Malaysia adalah Singapura, Hong Kong dan Jepun iaitu negara-negara yang tidak mengenakan kuota.

Industri pakaian di Malaysia terus bergantung kepada import tekstil asas. Import bagi serabut tekstil dan benang dan kain dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 berjumlah kira-kira RM1,729.5 juta, iaitu melebihi eksport yang berjumlah RM994.6

Jadual 7.4

Eksport Tekstil, Pakaian dan Kasut
(RM juta)

Tahun	1993	1993 (Januari-Jun)	1994 (Januari-Jun)
Tekstil	1,720.7	794.9	994.6
Pakaian	3,386.4	1,530.7	1,568.7
Kasut	309.9	163.2	160.5
Lain-lain	103.3	49.8	56.5
JUMLAH	5,520.3	2,538.6	2,780.3

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 7.5

**Haluan Utama bagi Eksport
Tekstil dan Pakaian**
(RM juta)

	1993	1993 (Januari-Jun)	1994 (Januari-Jun)	Perubahan tahunan (%)
Amerika Syarikat	2,384.4	1,041.0	1,158.3	11.3
United Kingdom	528.8	258.1	251.8	-2.4
Singapura	279.3	130.5	143.4	9.9
Jerman	399.3	197.1	193.1	-2.0
Lain-lain	1,429.5	675.5	712.8	5.5
JUMLAH	5,021.3	2,302.2	2,459.4	6.8

Sumber: Jabatan Perangkaan

juta. Oleh itu, industri serabut tekstil dan benang tempatan berpotensi untuk membekalkan kepada industri pakaian tempatan di samping mengeksport ke seberang laut. Ini akan meningkatkan lagi nilai ditambah dalam industri tekstil dan pada masa yang sama, mengurangkan nilai import.

Di pasaran antarabangsa, eksport tekstil Malaysia menghadapi beberapa cabaran bagi mengekalkan persaingannya. Pembuat tekstil yang telah kukuh, seperti Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan adalah pengeluar berskel besar tekstil dan pakaian yang 'up-market'. Sebaliknya, ekonomi yang mempunyai kos buruh yang rendah, seperti Thailand, Indonesia, China, Bangladesh, India, Sri Lanka dan Pakistan menjadi persaingan yang penting. Pengeluar tekstil perlu meningkatkan kualiti keluaran dan mengurangkan kos bagi mengekalkan persaingan di pasaran antarabangsa. Industri tekstil masih lagi bergantung kepada pihak ketiga, seperti Jepun, Hong Kong dan Singapura untuk memasarkan kebanyakannya keluarannya. Sungguhpun industri ini telah mengambil langkah-langkah untuk memperkenalkan dan mempelbagai tekstil Malaysia ke pasaran bukan tradisi di Amerika Selatan dan Australia, usaha-usaha yang lebih giat perlu dilaksanakan untuk mewujudkan rangkaian yang lebih luas bagi memasarkan tekstil secara langsung.

Keluaran Kayu

Eksport **keluaran kayu** dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 mencatatkan kenaikan sebanyak 41.9% (Januari-Jun 1993: 73.7%). Kenaikan pesat ini disebabkan permintaan yang tinggi dari negara-negara Asia Timur seperti Jepun, China, Taiwan dan Hong Kong serta juga dari AS dan EU. Pengurangan bekalan kayu di pasaran dunia, berikutan pengurangan atau pengharaman ke atas aktiviti pembalakan di beberapa negara pengekspor, turut menyebabkan permintaan yang meningkat kepada keluaran berasaskan kayu Malaysia. Sehubungan dengan itu, sumbangan eksport berasaskan kayu kepada jumlah eksport perkilangan meningkat kepada 5.4% dalam tempoh yang dikaji, berbanding dengan 5.1% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1993. Pengembangan eksport yang kukuh ini telah disokong oleh pertumbuhan yang pantas (sebanyak 10.5%) dalam industri keluaran kayu dan berasaskan kayu.

Di antara eksport keluaran berasaskan kayu, eksport **papan lapis dan venir** (yang menyumbangkan kira-kira 75.9% daripada eksport keluaran berasaskan kayu) meningkat dengan kukuh sebanyak 43.8% berikutan peningkatan import dari China, Korea Selatan dan Taiwan. Eksport **perabot kayu** yang juga menunjukkan peningkatan yang besar sebanyak 37.6% (Januari-Jun 1993: 38.9%) telah menyumbangkan sebanyak 23.6% daripada eksport keluaran berasaskan kayu. Peningkatan eksport perabot kayu disebabkan terutamanya oleh permintaan yang kukuh dari AS, Jepun dan Singapura.

Industri keluaran berasaskan kayu telah dikenal pasti sebagai salah satu industri berasaskan sumber untuk terus dimajukan sebagai sektor berorientasikan eksport yang penting. Objektif Kerajaan adalah menjadikan Malaysia sebagai pusat perabot dan pertukangan/pengacuan di dunia. Oleh itu, beberapa strategi telah di buat bagi menyusun semula industri. Ini bertujuan bagi memastikan penggunaan yang sesuai sumber kayu kayan dan pembangunan teknologi asli serta menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (P&P) bagi meningkatkan mutu keluaran untuk memenuhi keperluan pasaran eksport. Kerajaan juga telah mengharamkan eksport kayu balak dari Semenanjung Malaysia untuk menjamin penawaran kayu balak yang mencukupi bagi pembangunan

industri keluaran berasaskan kayu tempatan. Pada masa yang sama, kuota dan levi telah dikenakan ke atas eksport kayu balak dari Sabah dan Sarawak.

Industri keluaran berasaskan kayu terus menghadapi kempen anti-kayu tropika oleh beberapa negara di EU. Namun demikian, prospek bagi eksport tetap baik, memandangkan pasaran yang luas, terutama di Asia Timur. Pada tahun 1993, negara-negara seperti China dan Jepun telah melipatgandakan import keluaran berasaskan kayu dari Malaysia berbanding dengan tahun 1992. Keadaan import yang meningkat dari negara Asia Timur ini dijangka berterusan, memandangkan penawaran kayu balak yang kurang di pasaran dunia.

Keluaran Getah

Eksport **keluaran getah**, yang terdiri daripada sarung tangan getah, bahan-bahan getah, tayar dan tiub dan keluaran getah yang lain, telah meningkat sebanyak 13.3% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 (Januari-Jun 1993: 24.8%). Ini terutamanya disebabkan oleh permintaan luar negeri yang kukuh. Namun demikian, sumbangan keluaran berasaskan getah kepada jumlah eksport perkilangan berkurangan kepada 2.4% berbanding dengan 2.8% yang telah dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1993.

Eksport **sarung tangan getah** (terdiri daripada sarung tangan pembedahan dan bukan pembedahan) meningkat sebanyak 15.2% (Januari-Jun 1993: 33.2%). Ini menjadikan sarung tangan getah sebagai penyumbang utama (67.2%) kepada keseluruhan eksport sektor kecil keluaran berasaskan getah. Peningkatan eksport sarung tangan didorong oleh pengembangan pesat eksport sarung tangan bukan pembedahan kepada pembeli tradisi, di AS dan Jerman juga negara-negara di kawasan Asia-Pasifik yang ekonominya berkembang pesat.

Eksport bagi **tayar dan tiub** (yang merupakan kumpulan ketiga terbesar keluaran getah yang dieksport) meningkat sebanyak 0.4% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 (Januari-Jun 1993: 22.9%). Ini disebabkan permintaan yang mampan dari negara-negara pengimport tradisi seperti AS, Jepun dan Singapura dan juga eksport yang meningkat ke pasaran baru seperti Afrika Selatan, China dan Papua New Guinea. Eksport **keluaran**

getah yang lain, termasuk keluaran berasaskan susu getah, meningkat dengan ketara kepada 11.7% disebabkan permintaan yang meningkat dari pembeli tradisi, khususnya AS, Jerman, UK dan Itali. Dengan peningkatan ini, sumbangan keluaran getah yang lain kepada eksport keluaran berasaskan getah terus ketara, iaitu meningkat sebanyak 26.6% (Januari-Jun 1993: 27%).

Kebanyakan eksport keluaran berasaskan getah merupakan keluaran susu getah termasuk tayar dan tiub. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil beberapa strategi bagi menggalakkan kepelbagaian keluaran industri dengan tujuan meningkatkan jenis keluaran berasaskan getah untuk dieksport. Dalam hal ini, keluaran berasaskan getah telah dikenal pasti sebagai keluaran yang diberikan keutamaan di bawah dasar perindustrian Kerajaan dan galakan yang diberi adalah dalam bentuk insentif-insentif cukai untuk P&P serta bantuan kewangan dan teknologi supaya industri ini dapat mengekalkan persaingannya di pasaran antarabangsa.

Makanan, Minuman dan Tembakau

Eksport keluaran **makanan, minuman dan tembakau** mencatatkan pertumbuhan sebanyak 20.8% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 (Januari-Jun 1993: 3.3%). Oleh itu, sumbangan eksport makanan, minuman dan tembakau kepada keseluruhan pendapatan eksport perkilangan berjumlah 2.6% berbanding dengan 2.9% pada tempoh yang sama tahun 1993. Eksport keluaran perkilangan makanan yang merupakan penyumbang utama jumlah eksport makanan meningkat sebanyak 21.5% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 (Januari-Jun 1993: 3.4%). Peningkatan eksport perkilangan makanan disebabkan oleh kenaikan eksport keluaran koko, barangan, susu dan bijirin. Pendapatan eksport daripada makanan haiwan meningkat sebanyak 7.2% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 (Januari-Jun 1993: 7.5%). Eksport keluaran minyak isi kelapa sawit yang diproses mencatatkan pertumbuhan 2.1%, meningkat daripada 217,972 tan metrik dalam tahun 1993 kepada 222,496 tan metrik pada tempoh separuh pertama tahun 1994.

Eksport **minuman** memberikan sumbangan yang sangat kecil kepada pendapatan industri. Jumlah eksportnya kurang daripada 5% daripada jumlah keluaran tahun 1993, walaupun beberapa pengeluar arak tempatan mempunyai rancangan untuk menembusi pasaran luar negeri. Pengeluar

arak tempatan, bagaimanapun, menghadapi halangan yang besar seperti pengenaan cukai import yang tinggi oleh negara-negara lain. Walaupun cukai dalam negeri yang tinggi, permintaan tempatan untuk keluaran tembakau tetap mampan. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, eksport tembakau menurun sebanyak 22.7% (Januari-Jun 1993: 5.6%).

Keluaran Petroleum

Memandangkan Malaysia mempunyai simpanan yang banyak bagi gas asli dan minyak, pembangunan hiliran **keluaran petroleum** adalah pesat dalam beberapa tahun yang lepas. Berikutan ini, eksport keluaran petroleum termasuk gas telah meningkat kukuh dengan purata 14% antara tahun 1989 hingga tahun 1993. Walau bagaimanapun, dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, eksport keluaran petroleum merosot sebanyak 8.5% berbanding dengan peningkatan sebanyak 53.1% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Ini menyebabkan pendapatan daripada eksport keluaran petroleum menyumbang hanya 1.5% dari jumlah pendapatan eksport dalam tempoh yang dikaji. Pengurangan dalam eksport petrol dan keluaran petroleum menyebabkan kemerosotan dalam eksport keluaran petroleum yang ditapis seperti nafta, minyak bahan api, diesel dan gasolin. Ini selaras dengan pengurangan pengeluaran petroleum dalam tempoh separuh pertama tahun 1994. Eksport bagi gas asli cecair juga merosot sebanyak 11.2%, dalam tempoh yang sama, berjumlah RM1,193 juta, berbanding dengan RM1,344 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1993.

Eksport keluaran petroleum yang ditapis dijangka meningkat dengan ketara pada tahun 1994, disebabkan bermulanya pengeluaran daripada Unit Pertama Kilang Penapis PETRONAS di Melaka. Pada masa yang sama pengembangan kapasiti oleh penapis PETRONAS di Kerteh akan meningkatkan keluaran daripada 30,000 tong sehari (tsh) kepada 40,000 tsh dan ini akan menambahkan eksport. Singapura, Jepun dan Korea Selatan kekal sebagai pasaran utama untuk keluaran petroleum.

Keluaran Kimia, Petrokimia dan Plastik

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, **keluaran kimia, petrokimia, plastik dan yang berkaitan dengannya** meningkat dengan ketara

sebanyak 35.6% berbanding dengan 13.9% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Peningkatan yang ketara ini disebabkan pengembangan yang menggalakkan dalam eksport kimia organik (42.7%), bahan-bahan pencelupan, penyamakan dan pewarnaan (45.1%), bahan plastik dalam bentuk utama (51.1%), minyak pati dan minyak wangi (32.4%), dan keluaran ubat dan farmasuetik (29.1%). Kekukuhan dan perkembangan keluaran industri dalam tempoh separuh pertama 1994 menyebabkan pertumbuhan eksport yang cepat dalam keluaran kimia dan yang berkaitan. Pada masa yang sama, beberapa loji petrokimia yang besar mula mengeluarkan hasil yang juga meningkatkan eksport bagi keluaran petrokimia.

Bagi keluaran **farmasi**, pembangunan industri ini belum lagi begitu maju. Walau bagaimanapun, Malaysia juga mengeksport keluaran farmasi. Eksport utamanya terdiri daripada campuran dan gabungan keluaran farmasi moden dan herba tradisional.

Eksport **kimia organik**, meningkat dengan pesat dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 sebanyak 42.7% sementara **eksport kimia tak organik** merosot sebanyak 4.7%. Eksport kimia organik yang utama terdiri daripada alkohol, fenol dan terbitan manakala eksport kimia tak organik yang utama terdiri daripada asid fosforus, asid sulfurik dan oksida logam. Eksport baja merosot disebabkan penurunan dalam keluaran tempatan. Walau bagaimanapun, kelulusan telah diberi kepada 90 syarikat untuk mengeluarkan baja dan racun serangga tetapi hanya 1/3 daripadanya telah beroperasi. Oleh kerana pasaran dalam negeri secara relatif adalah kecil, projek yang baru itu akan meningkatkan eksport apabila projek itu memulakan pengeluaran mereka.

Bagi pengeluaran petrokimia, pada masa sekarang terdapat tiga kilang polistyrena yang mengeluarkan resin plastik yang dieksport secara tidak langsung melalui pengeluaran plastik lain di Zon Perindustrian Bebas. Bagi pengeluaran formaldehyde urea, fenol formaldehyde dan keluaran yang berkaitan, terdapat 35 syarikat yang mengeluarkan secara tidak langsung untuk pasaran eksport memandangkan bahawa keluaran yang lebih besar digunakan dalam pembuatan papan lapis dan papan gentian untuk eksport. Tambahan pula, syarikat petrokimia lain juga mengeluarkan bahagian ini untuk dieksport. Ini termasuklah kilang

gentian serat polister di Prai, kilang metanol di Labuan dan kilang urea/amonia di Bintulu, Sarawak. Potensi eksport bagi industri petrokimia akan meningkat dengan lebih banyak syarikat yang diberi kelulusan bagi mengeluarkan keluaran untuk pasaran eksport.

Keluaran Galian Bukan Logam

Eksport keluaran galian bukan logam merangkumi simen, keluaran simen dan konkrit, keluaran struktur tanah liat dan kaca dan barang-barang kaca. Pada umumnya industri simen adalah berorientasikan pasaran dalam negeri. Purata eksportnya kurang daripada 5% daripada jumlah pengeluaran. Klinker masih perlu diimport bagi menampung kekurangan pengeluaran dalam negeri yang berjumlah kira-kira 1.9 juta tan metrik setahun. Kilang penghancur klinker di Malaysia Timur mendapat sumber terutamanya dari Indonesia dan Jepun. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, eksport simen, kapur dan keluaran berkaitan meningkat sebanyak 145.9% (Januari-Jun 1993: -31.5%).

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, eksport keluaran tanah liat juga meningkat sebanyak 31.5% (Januari-Jun 1993: 63.8%). Ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang cepat dalam eksport jubin seramik, perkakas meja dan barang hiasan. Pengembangan yang kukuh dalam kapasiti pengeluaran jubin dan memasukkan beberapa pembuat baru dalam industri ini telah menyumbangkan pertumbuhan yang kukuh eksport jubin seramik. Bagi keluaran perkakas meja dan barang hiasan, bilangan pengeluar-pengeluar Jepun yang membina kilang perkakas meja di Malaysia dalam dekad yang lepas telah meningkat dan keluaran mereka adalah untuk pasaran tempatan dan juga eksport. Eksport kaca dan barang-barang kaca berkembang sebanyak 58.8% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 (Januari-Jun 1993: 13.6%). Pengembangan kapasiti di dalam industri kaca datar, bersama dengan perkembangan pengeluaran hiliran, telah meningkatkan hasil dan juga eksport. Peningkatan dalam kualiti dan perkembangan kapasiti dalam industri keluaran galian bukan logam membolehkan pengeluar-pengeluar mengeksport ke beberapa pasaran. Oleh itu, pasaran utama eksport keluaran galian bukan logam terdiri daripada beberapa pasaran di Eropah dan juga negara-negara Asia-Pasifik, seperti AS dan Jepun.

Besi dan Keluli dan Keluaran Logam

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, eksport **keluaran besi dan keluli** (mengandungi besi tempa dan lembut, jongkong, keluaran kepingan gelek rata dan batang besi dan keluli) merosot sebanyak 12.7% (Januari-Jun 1993: 68.4%). Pada tahun 1993 eksport meningkat dengan nyata, berikutan pembesaran kapasiti beberapa kilang keluli untuk memenuhi jangkaan kenaikan permintaan dalam negeri berikutan pengembangan dalam aktiviti pembinaan. Pengeluaran yang meningkat menyebabkan lebih penawaran dalam keluaran besi dan keluli yang perlu dieksport. Walau bagaimanapun, eksport menghadapi persaingan yang hebat di pasaran antarabangsa serta lebih penawaran seluruh dunia. Pasaran utama bagi eksport besi dan keluli terdiri daripada Jepun, Korea Selatan, Brazil, UK dan Australia. Industri giat melancarkan promosi eksport di samping melabur di pasaran baru seperti Vietnam, Myanmar dan akhir-akhir ini di Afrika Selatan.

Eksport **keluaran logam bukan ferum** meningkat sederhana sebanyak 33.1% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 (Januari-Jun 1993: 44.7%), dirangsang oleh kenaikan permintaan luar negeri bagi batang dan dawai tembaga. Pasaran tradisional utama bagi eksport keluaran logam bukan ferum adalah terdiri daripada AS, Jepun, Singapura dan Thailand. Seperti keluaran besi dan keluli, eksport keluaran logam yang direka dipengaruhi oleh pusingan permintaan daripada industri pembinaan dalam negeri. Selepas merosot pada tahun 1988, eksport keluaran logam yang direka meningkat dengan purata melebihi 40% setahun antara tahun 1989 hingga tahun 1993. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, eksport keluaran logam yang direka meningkat sebanyak 24.4%, berbanding dengan 36.1% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Walaupun pertumbuhan permintaan tempatan dijangka kukuh (dengan pelaksanaan beberapa projek infrastruktur berskala besar), eksport keluaran logam yang direka dijangka akan terus juga kukuh untuk beberapa tahun akan datang memandangkan bahawa kapasiti dan pengeluaran industri akan meningkat. Selain dari itu Kerajaan telah mengenal pasti keluaran logam yang direka sebagai salah satu industri yang akan diberi keutamaan untuk dimajukan lagi bagi menyokong industri lain dan

untuk mempelbagaikan asas eksport. Pasaran utama bagi keluaran logam yang direka terdiri daripada Jepun, AS, Australia, Singapura dan Taiwan.

Kelengkapan Pengangkutan

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, eksport **kelengkapan pengangkutan**, yang terdiri daripada kenderaan jalan raya dan kelengkapan-kelengkapan pengangkutan lain, meningkat dengan ketara sebanyak 56.7%, berbanding dengan 68.9% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Ini terutamanya disebabkan oleh pengembangan yang ketara (66.7%) di dalam eksport kelengkapan pengangkutan lain, terdiri daripada pesawat udara dan kelengkapan pesawat angkasa lepas juga komponen dan besi gerabak keretapi. Bagi kenderaan jalan raya, eksportnya meningkat sebanyak 16.1% disebabkan peningkatan dalam eksport komponen dan aksesori kenderaan jalan raya. Eksport kereta meningkat sebanyak 6% sementara eksport kenderaan perdagangan merosot sebanyak 41.5% dan motosikal dan skuter sebanyak 6.6%. Eksport kereta nasional PROTON berjumlah 11,816 unit dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, iaitu peningkatan sebanyak 124.2% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1993 (Januari-Jun 1993: 5,270 unit).

Eksport kenderaan penumpang, khususnya, menunjukkan arah peningkatan yang ketara, dari hanya RM20.6 juta pada 1988 kepada RM387.8 juta pada tahun 1993. Pada masa sekarang, eksport kenderaan yang siap dipasang diterajui oleh eksport PROTON ke beberapa negara, terutama UK. PROTON juga telah mengeluarkan kereta 'Pemanduan Sebelah Kiri' untuk pasaran Eropah, yang dijangka menambahkan peningkatan eksport. Eksport alat ganti kenderaan bermotor juga meningkat dengan nyata, dari RM25 juta pada tahun 1988 kepada RM125.4 juta pada tahun 1993. Kerajaan telah mengenal pasti industri kelengkapan pengangkutan jalan raya sebagai salah satu industri yang diutamakan untuk dimajukan, bukan hanya untuk memenuhi permintaan dalam negeri, tetapi juga untuk pasaran eksport. Walau bagaimanapun, pasaran dalam negeri tidak cukup besar untuk industri kenderaan bermotor mencapai pengeluaran skala ekonomi. Oleh itu, dasar Kerajaan dirancang untuk menggalakkan eksport komponen kenderaan bermotor dan juga

kenderaan-kenderaan yang siap dipasang. Industri komponen kenderaan mempunyai potensi yang besar. Walau bagaimanapun, industri ini perlu bersaing dalam pasaran antarabangsa. Sebagai satu kemungkinan jangka pendek negara-negara ASEAN merupakan satu sumber pasaran penting menerusi Skim Kelengkapan ASEAN. Selain daripada itu beberapa negara Dunia Ketiga juga mempunyai potensi sebagai pasaran baru bagi industri pengangkutan dan komponen kenderaan bermotor.

Keluaran Perkilangan Lain

Eksport **keluaran perkilangan lain**, yang terdiri daripada kelengkapan dan perkakas saintifik, bekalan dan kelengkapan seni foto, kelengkapan muzik dan keluaran pelbagai barang perkilangan, meningkat 7% dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 (Januari-Jun 1993: 23%). Eksport kelengkapan dan perkakas saintifik serta kelengkapan seni foto adalah punca utama pertumbuhan eksport ini. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, eksport **kelengkapan dan perkakas saintifik**, yang mengandungi perkakas optik dan perkakas perubatan, mencatatkan pertumbuhan yang tinggi iaitu 35.1% (Januari-Jun 1993: 13.5%). Eksport bekalan dan kelengkapan seni foto meningkat sebanyak 33.7% dalam tempoh yang sama (Januari-Jun 1993: 12.9%). Pada masa yang sama, eksport kelengkapan muzik serta alat dan aksesori meningkat dengan pesat sebanyak 53.2%. Sementara keluaran pelbagai barang perkilangan termasuk bahan pencetak, alat-alat permainan dan peralatan sukan, alat ganti barang kemas dan aksesori merosot sebanyak 6.5% (Januari-Jun 1993: 31.5%).

Eksport Komoditi Utama

Pendapatan eksport komoditi-komoditi utama pertanian dan perlombongan dijangka terus berkurangan sebanyak 0.3% (1993: -4.4%) kepada RM27,225 juta disebabkan oleh kemerosotan pendapatan eksport sektor perlombongan yang ketara sebanyak 18.9%. Pendapatan eksport aktiviti-aktiviti utama perlombongan merosot berikutan harga eksport minyak mentah dan gas asli cecair (LNG) yang rendah serta pengurangan jumlah eksport minyak mentah dan timah. Sebaliknya, pendapatan eksport komoditi utama pertanian dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 12.4% serta menyumbang 12.3% kepada

jumlah eksport. Pertambahan pendapatan yang dijangka ini disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan nilai seunit eksport minyak kelapa sawit, minyak isirong kelapa sawit, getah dan lada hitam. Peningkatan pendapatan eksport minyak kelapa sawit dan minyak isirong kelapa sawit, disebabkan terutamanya oleh peningkatan harga ekoran keadaan penawaran minyak sayuran yang lebih ketat di pasaran dunia. Sementara pendapatan eksport getah dan lada hitam dianggarkan meningkat, pendapatan eksport kayu balak dan kayu gergaji dijangka berkurangan disebabkan oleh pengurangan jumlah eksport, selaras dengan penggalakan pemprosesan hiliran dalam negeri.

Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit

Pada tahun 1994 pendapatan eksport minyak **kelapa sawit mentah, minyak kelapa sawit yang diproses dan minyak sawit sterin** dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 35% kepada RM7,800 juta (RM5,772 juta pada 1993). Prestasi yang menggalakkan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan ketara nilai seunit eksport minyak kelapa sawit, iaitu pada kadar 21.4% hingga mencapai RM1,200 setan metrik. Ini berikutan kekurangan penawaran minyak kelapa sawit, ekoran kemerosotan pengeluaran minyak kelapa sawit mentah. Walaupun pendapatan eksport dijangka tinggi, sumbangannya kepada jumlah pendapatan eksport kekal pada tahap 5.3% pada tahun 1994. Namun demikian, ia dijangka merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan eksport komoditi dalam tahun 1994.

Seperti yang ditunjukkan di Jadual 7.6, eksport minyak kelapa sawit meningkat sebanyak 18.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, sementara pendapatan eksport pula mencatatkan peningkatan sebanyak 27.5%. Ini terutamanya disebabkan nilai eksport yang lebih tinggi pada tempoh tersebut. Nilai seunit eksport yang lebih tinggi sejak bulan Januari 1994, bukan sahaja disokong oleh pengurangan pengeluaran minyak kelapa sawit dan paras stok yang rendah, malah berpunca daripada permintaan yang lebih tinggi serta berterusan daripada pembeli-pembeli tradisional seperti China dan Pakistan. Pada bulan Julai 1994, paras stok minyak kelapa sawit mentah dan yang diproses berada pada tahap 451,475 tan metrik, menunjukkan kemerosotan sebanyak 34% berbanding dengan 684,728 tan metrik yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1993.

Jadual 7.6

Eksport Komoditi-Komoditi Utama

	1994 ^a	% perubahan	1994 Januari- Julai	% perubahan
Minyak kelapa sawit¹				
Jumlah ('000 tan metrik)	6,500	11.3	3,799	18.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,200	21.4	1,118	7.2
Jumlah (RM juta)	7,800	35.1	4,250	27.5
Kayu balak				
Jumlah ('000 meter padu)	8,000	-13.9	4,575	-17.6
Nilai seunit (RM semeter padu)	314	0.1	315	-6.5
Jumlah (RM juta)	2,512	-13.8	1,445	-23.0
Kayu gergaji				
Jumlah ('000 meter padu)	5,100	-6.9	2,713	-14.7
Nilai seunit (RM semeter padu)	900	8.5	906	13.8
Jumlah (RM juta)	4,590	1.0	2,457	-2.9
Getah				
Jumlah ('000 tan metrik)	900	-3.9	533	-1.8
Nilai seunit (sen/kg)	255	12.1	255	8.9
Jumlah (RM juta)	2,295	7.7	1,360	6.9
Lada hitam				
Jumlah ('000 tan metrik)	17.0	2.6	8.1	-2.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	4,500	22.3	4,667	59.0
Jumlah (RM juta)	76.5	25.2	37.8	54.8
Koko				
Jumlah ('000 tan metrik)	100	-18.8	58.5	-26.0
Nilai seunit (RM/tan metrik)	3,000	21.5	3,082	32.0
Jumlah (RM juta)	300	-1.3	180.3	-2.4
Minyak mentah				
Jumlah ('000 tan metrik)	19,100	-9.2	11,170	-10.3
Nilai seunit (RM/tan metrik)	325	-14.5	337	-14.4
Jumlah (RM juta)	6,210	-22.3	3,760	-23.2
LNG				
Jumlah ('000 tan metrik)	8,000	-0.1	4,900	11.3
Nilai seunit (RM/tan metrik)	290	-10.5	280	-20.4
Jumlah (RM juta)	2,320	-10.7	1,390	-11.3
Timah				
Jumlah ('000 tan metrik)	33	-7.0	21.6	-3.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	13,900	1.0	13,988	-4.7
Jumlah (RM juta)	458	-6.3	302	-8.5
JUMLAH BESAR (RM juta)	27,225	-0.3	15,515	-4.7

¹ Termasuk minyak kelapa sawit mentah, minyak kelapa sawit yang diproses, minyak kelapa sawit sterin dan minyak isirong kelapa sawit


^a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan

Sejak bulan Januari 1994, China merupakan pembeli terbesar minyak kelapa sawit Malaysia. Dalam separuh pertama tahun 1994, China membeli sejumlah 649,596 tan metrik minyak kelapa sawit yang bernilai RM760,264 dan menyumbang 20.2% kepada jumlah eksport. Dalam bulan-bulan berikutnya, China dijangka mengimport jumlah yang lebih besar memandangkan pengeluaran minyak sayuran negara tersebut telah berkurangan serta harga minyak kelapa sawit yang agak rendah berbanding dengan minyak soya. Pakistan yang merupakan pengimport minyak kelapa sawit kedua terbesar selepas China, mencatatkan pengurangan pembelian sebanyak 5.5% kepada 514,050 tan metrik disebabkan pengeluaran minyak bijian dalam negeri yang lebih baik. Walau bagaimanapun, negara tersebut menyumbang 16% kepada jumlah eksport minyak sawit. Eksport ke negara-negara Asia Barat adalah lebih tinggi dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, dengan jumlah pembelian terkumpul sebanyak 416,066 tan metrik berbanding dengan 384,088 tan metrik dalam tempoh yang sama tahun 1993. Di antara negara-negara Asia Barat, Mesir merupakan penyumbang terbesar (45.6%). Eksport ke Singapura, yang sebahagian besarnya untuk dieksport semula, mencatatkan kemerosotan sebanyak 23.5% kepada 202,438 tan metrik. Satu kemajuan besar yang dicapai dalam eksport minyak kelapa sawit ialah penerokaan ke pasaran bukan tradisi, khususnya Amerika Latin. Peningkatan jumlah eksport minyak kelapa sawit pada keseluruhannya adalah disebabkan sebahagiannya oleh pengurangan eksport minyak biji kapas, minyak kelapa dan minyak bunga matahari di pasaran dunia, berikutan bencana alam yang menimpa negara-negara pengeluar seperti China dan Filipina serta kelewatan penanaman bunga matahari di Argentina dan Sepanyol.

Eksport minyak isirong kelapa sawit dijangka meningkat sederhana sebanyak 5.4% kepada 510,000 tan metrik berbanding dengan jumlah eksport sebanyak 483,900 tan metrik pada tahun 1993. Eksport dalam tempoh tujuh bulan pertama, berjumlah 245,217 tan metrik, iaitu berkurangan sebanyak 3% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1993. Walau bagaimanapun, arah aliran nilai seunit eksport yang meningkat sejak awal tahun dijangka berterusan sepanjang tahun 1994. Nilai seunit eksport meningkat dengan ketara sebanyak 28.5% kepada RM1,374 setan metrik

Carta 7.2
Minyak Kelapa Sawit - Eksport dan Harga



(RM1,062 setan metrik pada tahun 1993). Oleh yang demikian, jumlah pendapatan eksport minyak isirong kelapa sawit meningkat kepada RM337 juta iaitu 24% lebih tinggi berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1993. Bagi keseluruhan tahun, jumlah pendapatan eksport minyak isirong kelapa sawit dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 34.2% kepada RM663 juta.

Kayu Kayan

Pendapatan eksport **kayu kayan** (kayu balak dan kayu gergaji) dalam tahun 1994 dijangka berkurangan sebanyak 4.8%. Pengurangan ini disebabkan pengurangan jumlah eksport berikutan usaha-usaha Kerajaan memulihara sumber hutan dengan mengurangkan pengeluaran kayu balak serta menggalakkan pemprosesan hasil kayu. Dengan demikian, sumbangan eksport kayu kayan kepada pendapatan eksport kasar dijangka berkurangan sebanyak 4.8% berbanding dengan 6.2% pada tahun 1993.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, pendapatan eksport dari **kayu balak** berkurangan sebanyak 23%. Pengurangan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kemerosotan jumlah eksport yang ketara sebanyak 17.6% serta kemerosotan nilai seunit eksport sebanyak 6.5%. Kemerosotan jumlah eksport ini adalah selaras dengan pengurangan pengeluaran kayu balak.

Sarawak yang menyumbangkan 98% kepada eksport kayu balak negara, dijangka mengeksport jumlah yang lebih kecil iaitu 7.8 juta meter padu. Dalam masa yang sama, eksport dari Sabah juga dijangka merosot dengan ketara sebanyak 12.5% kepada 160,000 meter padu disebabkan pembekuan eksport kayu balak. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan Negeri meningkatkan pemprosesan dalam negeri bagi meningkatkan nilai ditambah keluaran kayu kayan. Oleh yang demikian, pendapatan dari eksport kayu balak dianggarkan berkurangan sebanyak 13% bagi Sarawak dan 12.5% bagi Sabah.

Negara-negara Jepun, Taiwan dan Korea Selatan merupakan destinasi utama eksport kayu balak Malaysia dalam tempoh separuh pertama tahun 1994. Jepun mengimport 57% dari jumlah eksport kayu balak Malaysia, sementara Taiwan 16% dan Korea Selatan 7.8%. Destinasi eksport yang lain termasuklah China 6.9% dan Hong Kong 4.4%.

Pendapatan dari eksport **kayu gergaji** dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 berkurangan sedikit, iaitu pada kadar 3% berikutan kemerosotan jumlah eksport yang ketara (15%). Walau bagaimanapun, nilai seunit eksport meningkat (13.7% kepada RM905 semeter padu), bagi mengimbangi kemerosotan jumlah eksport, dan ini menghasilkan pengurangan pendapatan eksport yang kecil sahaja. Nilai seunit eksport kayu gergaji terus meningkat berikutan penawaran yang kian berkurangan dalam pasaran dunia. Selaras dengan usaha Kerajaan menggalakkan aktiviti pemprosesan hiliran, jumlah eksport kayu gergaji bagi seluruh tahun 1994 dijangka berkurangan sebanyak 6.9% kepada 5.1 juta meter padu.

Sabah dijangka mengekalkan kedudukannya sebagai pengeksport kayu gergaji terbesar bagi tahun kedua berturut-turut dengan sumbangan sebanyak 42% daripada jumlah eksport tahun 1994. Pendapatan dijangka berjumlah RM1,928 juta mencerminkan peningkatan sebanyak 1%,

berbanding dengan RM1,910 juta pada tahun 1993. Jumlah eksport dari Semenanjung Malaysia dijangka berkurangan sebanyak 6.8% kepada 1.9 juta meter padu dengan pendapatan dianggarkan berjumlah RM1,744 juta. Dalam masa yang sama, jumlah eksport kayu gergaji dari Sarawak juga dijangka berkurangan kepada 1 juta meter padu (1.1 juta meter padu pada tahun 1993) dengan pendapatan dianggarkan sebanyak RM918 juta.

Pasaran utama kayu gergaji Malaysia telah beralih ke negara-negara di Asia Timur, terutama Thailand, Korea Selatan, Taiwan, Singapura dan Jepun. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, Thailand muncul sebagai pembeli terbesar, menyumbang 29.3% kepada jumlah eksport, diikuti oleh Korea Selatan (11.3%) dan Taiwan (10.8%). Peralihan ini disebabkan terutamanya oleh perkembangan ekonomi di rantau Asia Timur. Sebaliknya, eksport terkumpul ke negara-negara Kesatuan Eropah (EU) merupakan 10% dari jumlah eksport berbanding dengan 12% dalam tempoh yang sama tahun 1993.


Getah

Berikutan pengurangan pengeluaran, jumlah eksport **getah** dijangka merosot sebanyak 3.9%. Walau bagaimanapun, peningkatan nilai seunit eksport yang kukuh telah menghasilkan peningkatan pendapatan sebanyak 7.7% kepada RM2,295 juta. Peningkatan pendapatan adalah disebabkan oleh permintaan yang kukuh dari negara-negara pengguna utama berikutan kedudukan penawaran yang ketat di pasaran dunia. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, pendapatan eksport dari getah meningkat sebanyak 7%. Peningkatan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan ketara (9%) nilai seunit eksport dalam tempoh tersebut. Namun demikian, jumlah eksport merosot sebanyak 1.8%, bukan sahaja disebabkan oleh kemerosotan pengeluaran getah, tetapi juga peningkatan penggunaan getah asli dalam negeri berikutan pengembangan industri berasaskan getah. Ini diperjelaskan lagi dari peningkatan import getah (53%) dalam tempoh tujuh bulan pertama, berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1993.

Harga getah mula kukuh sejak awal tahun 1994 dan dijangka kekal hingga akhir tahun. Pada 1 Jun 1994, harga tunjuk harian pasaran (Daily Market Indicator Price-DMIP) meningkat ke tahap tertinggi mengatasi tahap paras 'boleh jual' iaitu 226 sen sekilogram yang membolehkan campuran Kesatuan Getah Asli Antarabangsa (INRO) menilai serta menstabilkan harga. Pengurus stok penimbal INRO memasuki pasaran pada minggu pertama bulan Julai selepas harga purata lima hari DMIP mencecah 233 sen sekilogram. Walau bagaimanapun, dengan keadaan sentimen pasaran yang masih baik, campuran INRO tidak mendatangkan hasil yang dikehendaki, malah harga purata lima hari DMIP terus berada di atas tahap 'mesti jual'. Dalam tempoh tujuh bulan pertama, harga getah RSS1 melonjak pada kadar tahunan 18% kepada 257 sen sekilogram manakala harga SMR20 meningkat 24% kepada 261 sen sekilogram. Bagi bulan-bulan berikutnya, harga dijangka kekal. Bagi keseluruhan tahun 1994, harga purata RSS1 dijangka berada di sekitar 245 sen sekilogram, sementara SMR20 pula berada di paras 280 sen sekilogram. Peningkatan harga pada keseluruhannya mencerminkan permintaan yang kukuh dari negara-negara pengguna utama.

Carta 7.3

Kayu Gergaji dan Kayu Balak - Eksport dan Nilai Seunit



berbanding dengan RM1,910 juta pada tahun 1993. Jumlah eksport dari Semenanjung Malaysia dijangka berkurangan sebanyak 6.8% kepada 1.9 juta meter padu dengan pendapatan dianggarkan berjumlah RM1,744 juta. Dalam masa yang sama, jumlah eksport kayu gergaji dari Sarawak juga dijangka berkurangan kepada 1 juta meter padu (1.1 juta meter padu pada tahun 1993) dengan pendapatan dianggarkan sebanyak RM918 juta.

Pasaran utama kayu gergaji Malaysia telah beralih ke negara-negara di Asia Timur, terutama Thailand, Korea Selatan, Taiwan, Singapura dan Jepun. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, Thailand muncul sebagai pembeli terbesar, menyumbang 29.3% kepada jumlah eksport, diikuti oleh Korea Selatan (11.3%) dan Taiwan (10.8%). Peralihan ini disebabkan terutamanya oleh perkembangan ekonomi di rantau Asia Timur. Sebaliknya, eksport terkumpul ke negara-negara Kesatuan Eropah (EU) merupakan 10% dari jumlah eksport berbanding dengan 12% dalam tempoh yang sama tahun 1993.


Getah

Berikutan pengurangan pengeluaran, jumlah eksport **getah** dijangka merosot sebanyak 3.9%. Walau bagaimanapun, peningkatan nilai seunit eksport yang kukuh telah menghasilkan peningkatan pendapatan sebanyak 7.7% kepada RM2,295 juta. Peningkatan pendapatan adalah disebabkan oleh permintaan yang kukuh dari negara-negara pengguna utama berikutan kedudukan penawaran yang ketat di pasaran dunia. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, pendapatan eksport dari getah meningkat sebanyak 7%. Peningkatan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan ketara (9%) nilai seunit eksport dalam tempoh tersebut. Namun demikian, jumlah eksport merosot sebanyak 1.8%, bukan sahaja disebabkan oleh kemerosotan pengeluaran getah, tetapi juga peningkatan penggunaan getah asli dalam negeri berikutan pengembangan industri berasaskan getah. Ini diperjelaskan lagi dari peningkatan import getah (53%) dalam tempoh tujuh bulan pertama, berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1993.


Harga getah mula kukuh sejak awal tahun 1994 dan dijangka kekal hingga akhir tahun. Pada 1 Jun 1994, harga tunjuk harian pasaran (Daily Market Indicator Price-DMIP) meningkat ke tahap tertinggi mengatasi tahap paras 'boleh jual' iaitu 226 sen sekilogram yang membolehkan campuran Kesatuan Getah Asli Antarabangsa (INRO) menilai serta menstabilkan harga. Pengurus stok penimbal INRO memasuki pasaran pada minggu pertama bulan Julai selepas harga purata lima hari DMIP mencecah 233 sen sekilogram. Walau bagaimanapun, dengan keadaan sentimen pasaran yang masih baik, campuran INRO tidak mendatangkan hasil yang dikehendaki, malah harga purata lima hari DMIP terus berada di atas tahap 'mesti jual'. Dalam tempoh tujuh bulan pertama, harga getah RSS1 melonjak pada kadar tahunan 18% kepada 257 sen sekilogram manakala harga SMR20 meningkat 24% kepada 261 sen sekilogram. Bagi bulan-bulan berikutnya, harga dijangka kekal. Bagi keseluruhan tahun 1994, harga purata RSS1 dijangka berada di sekitar 245 sen sekilogram, sementara SMR20 pula berada di paras 280 sen sekilogram. Peningkatan harga pada keseluruhannya mencerminkan permintaan yang kukuh dari negara-negara pengguna utama.

Carta 7.3

Kayu Gergaji dan Kayu Balak - Eksport dan Nilai Seunit



Carta 7.4
Getah - Eksport dan Harga



Eksport ke sebahagian besar destinasi utama dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 mencerminkan aliran yang bercampur-campur. Eksport ke EU meningkat sebanyak 6.3% kepada 139,890 tan metrik berbanding dengan 131,509 tan metrik pada tahun 1993, berikutan pembelian yang lebih besar dari Jerman, Belanda dan Perancis. Di Timur Jauh, Korea Selatan yang merupakan pasaran tunggal terbesar getah Malaysia, meningkatkan pembelian sebanyak 2.3% kepada 72,446 tan metrik. Walau bagaimanapun, eksport ke tiga pasaran utama yang lain termasuk Jepun, Taiwan dan Singapura merosot di antara 33% hingga 38%.

Komoditi-Komoditi Pertanian Lain

Dalam tahun 1994, prestasi eksport komoditi-komoditi pertanian lain yang meliputi lada hitam dan koko dijangka bercampur-campur. Ini dapat dilihat dari data eksport seperti tertera di Jadual 7.6. Pendapatan eksport **lada hitam** meningkat berikutan peningkatan nilai seunit eksport sebanyak

59% kepada RM4,667 setan metrik berbanding dengan RM2,935 setan metrik pada tempoh yang sama tahun 1993. Destinasi utama eksport lada hitam termasuk Jepun, Jerman dan Singapura yang menyumbang 64% daripada jumlah eksport. Destinasi-destinasi penting yang lain ialah Korea Selatan (7.7%), UK (5%) dan AS (4.4%).

Pendapatan eksport dari **koko** dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 berkurangan sebanyak 2.4% kepada RM180 juta, berikutan pengurangan jumlah eksport sebanyak 26%. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, Singapura terus kekal sebagai pembeli tunggal terbesar dengan pembelian berjumlah 39% dari jumlah eksport, diikuti oleh China 31% dan Belanda 16%. Pada keseluruhan tahun 1994, jumlah eksport koko dijangka berkurangan kepada 100,000 tan metrik berbanding dengan 123,000 tan metrik pada tahun 1993. Begitu juga jumlah pendapatan dijangka terus berkurangan sebanyak 1.3% kepada RM300 juta.

Minyak Mentah dan Gas Asli Cecair

Pada tahun 1994, terimaan eksport minyak mentah dijangka merosot sebanyak 22.3% kepada RM6,200 juta disebabkan pengurangan jumlah eksport yang dianggarkan pada kadar 9.2% dan kejatuhan nilai seunit eksport sebanyak 14.5%. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1994, pendapatan eksport merosot sebanyak 23.3%, berikutan pengurangan sebanyak 10.3% dalam jumlah eksport serta 14.4% dalam nilai seunit eksport. Pengurangan jumlah eksport adalah kerana lebih banyak minyak mentah dijangka akan ditapis dalam negeri dengan terbinanya kilang penapis tambahan di Tangga Batu, Melaka yang telah mula beroperasi pada bulan Mei 1994. Nilai seunit eksport dijangka merosot berdasarkan harga eksport yang rendah akibat bekalan yang berlebihan di pasaran dunia. Dengan ini sumbangan minyak mentah kepada pendapatan eksport kasar negara terus berkurangan kepada 4.2% (1993: 6.6%).

Arah aliran harga minyak mentah yang menurun pada akhir tahun 1993 berlarutan pada suku pertama tahun 1994. Penurunan harga adalah disebabkan pengeluaran yang meningkat dari negara-negara bukan ahli Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) khususnya dari kawasan Laut Utara, stok minyak yang

berlebihan sebelum musim sejuk dan keputusan OPEC pada bulan November 1993 untuk mengekalkan kuota pengeluaran. Kemerostan harga minyak mentah dunia dicerminkan oleh penurunan harga minyak mentah North Sea Brent (NSB), gred rujukan minyak mentah utama antarabangsa, yang merosot sebanyak 24.4% kepada AS\$13.82 setong dalam tempoh suku pertama 1994 dari AS\$18.29 yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1993. Harga minyak mentah West Texas Intermediate (WTI), menurun sebanyak 25% kepada AS\$14.82 setong dari AS\$19.79 setong. Selaras dengan harga minyak mentah dunia, harga purata wajaran (HPW) minyak mentah Malaysia mencatatkan kemerostan sebanyak 17.3% kepada AS\$16.01 setong dalam suku pertama tahun 1994 berbanding dengan AS\$19.36 pada tempoh yang sama 1993.


Walau bagaimanapun harga minyak mentah meningkat dengan ketara dalam tempoh suku kedua tahun 1994 berikutan peningkatan permintaan minyak mentah dan produk-produk minyak, penawaran yang ketat serta permintaan spekulasi. Stok minyak mentah juga telah berkurangan berikutan pertambahan penggunaan akibat cuaca sejuk di Amerika Syarikat dan Eropah pada suku pertama tahun 1994. Permintaan minyak mentah meningkat di Amerika Utara berikutan kedudukan ekonomi yang bertambah baik. Tambahan pula, permintaan untuk produk-produk minyak khususnya *middle distillates* meningkat di Eropah sementara permintaan minyak bertambah di Asia. Keadaan ini, disamping pengumuman OPEC bahawa tahap pengeluaran akan kekal pada 24.52 juta tong sehari (tsh) sehingga akhir tahun 1994, telah membantu mengukuhkan harga-harga minyak dalam tempoh suku kedua tahun 1994. Dengan itu harga NSB meningkat sebanyak 15.2% kepada AS\$15.92 setong pada suku kedua 1994. Begitu juga harga WTI yang meningkat sebanyak 18.9% kepada AS\$17.62 setong dan Tapis Blend sebanyak 5.6% kepada AS\$16.91 setong. Harga minyak mentah stabil pada suku ketiga, dengan harga NSB meningkat sebanyak 8.3 % kepada AS\$17.24 setong, WTI meningkat sebanyak 6% kepada AS\$18.68 setong dan Tapis Blend meningkat sebanyak 8.3% kepada AS\$18.32 setong disebabkan beberapa gangguan yang tercetis di beberapa negara pengeluar, umpamanya perang saudara di Yemen, mogok dalam industri minyak di Nigeria dan pelantar minyak Norway, serta penutupan beberapa pelantar minyak di Laut Utara untuk kerja-kerja

penyelenggaraan pada bulan Julai dan Ogos 1994. Harga minyak mentah dijangka tidak akan naik dengan ketara pada suku akhir tahun 1994, tetapi berkemungkinan akan stabil disebabkan keadaan pasaran yang ketat.

Sebagai mencerminkan pasaran antarabangsa terhadap minyak mentah, harga purata wajaran (HPW) berdasarkan harga eksport semua minyak mentah Malaysia menurun sebanyak 18.7% kepada AS\$15.85 pada suku pertama 1994, dari AS\$19.50 setong pada tempoh yang sama tahun 1993. Pada suku kedua tahun 1994, HPW meningkat sebanyak 3.9% kepada AS\$16.40 setong berbanding dengan suku pertama. Berdasarkan kedudukan penawaran serta permintaan yang ketat di pasaran dunia, HPW dijangka stabil pada purata AS\$16.50 setong bagi keseluruhan 1994.

Negara Jepun, Negara Thai, Singapura dan Korea Selatan kekal sebagai pasaran utama minyak mentah Malaysia dalam tempoh separuh pertama tahun 1994. Jepun mengimport 2.1 juta tan metrik atau 22.1% daripada jumlah eksport sementara

Carta 7.5
Minyak Mentah - Eksport dan Harga



Negara Thai muncul sebagai pasaran kedua terbesar dengan mengimport sebanyak 1.97 juta tan metrik atau 20.7%. Eksport ke Singapura, pasaran ketiga terbesar, berjumlah 1.95 juta tan metrik atau 20.5%. Korea Selatan mengimport 1.3 juta tan metrik (14.1%).


Berdasarkan jadual pengeluaran dan keupayaan loji, jumlah eksport LNG dijangka kekal pada 8 juta tan metrik pada tahun 1994, walaupun terdapat peningkatan sebanyak 11.3% dalam jumlah eksport pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994. Selaras dengan harga-harga minyak mentah yang merosot, nilai seunit eksport LNG dijangka menurun sebanyak 10.5% kepada RM290 setan metrik. Dengan ini terimaan eksport daripada LNG dianggarkan berkurangan sebanyak 10.7% kepada RM2,320 juta pada tahun 1994. Negara Jepun merupakan pengimport terbesar LNG, dengan memperolehi 96% daripada jumlah eksport dan bakinya, sebanyak 4% dimport oleh Korea Selatan.

Timah

Pendapatan eksport daripada timah dijangka merosot sebanyak 6.3% kepada RM458 juta pada tahun 1994, walaupun nilai seunit eksport dijangka meningkat sedikit disebabkan pengurangan jumlah eksport sebanyak 7%, berikutan tahap pengeluaran timah yang rendah serta terdapatnya pengganti timah. Pendapatan eksport yang merosot sebanyak 8.5% kepada RM302 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 1994 adalah akibat pengurangan jumlah eksport sebanyak 3.9%, kepada 21,598 tan metrik. Walaupun nilai seunit eksport menurun sebanyak 4.7% kepada RM13,988 setan metrik dalam tempoh yang dikaji, ianya dianggarkan akan stabil pada RM13,900 bagi keseluruhan tahun 1994, disebabkan kemungkinan Skim Kawalan Bekalan Timah oleh Persatuan Negara Pengeluar Timah (ATPC) untuk mengurangkan stok timah dunia dengan lebih berkesan berikutan kemasukan China sebagai anggota kelapan pada bulan April 1994 dan Brazil sebagai anggota kesembilan pada tahun 1995.

Harga purata timah di Pasaran Timah Kuala Lumpur (PTKL) dalam tempoh sembilan bulan pertama 1994 meningkat sebanyak 2.6% kepada RM13.91 sekilogram daripada RM13.56 yang dicatatkan dalam masa yang sama tahun 1993. Paras harga ini masih tidak menguntungkan dan jauh lebih rendah berbanding dengan RM30 sekilogram yang dicatatkan sebelum keruntuhan

Carta 7.6
Timah - Eksport dan Harga



Majlis Timah Antarabangsa pada tahun 1985. Harga timah yang meningkat sedikit tahun ini adalah selaras dengan peningkatan harga semua logam di Bursa Logam London (LME), sebahagiannya disokong oleh pembelian spekulasi. Nilai ringgit yang rendah berbanding dengan dolar Amerika pada dua bulan pertama tahun 1994 telah menyumbang kepada permintaan yang kukuh dari pedagang-pedagang Eropah dan Jepun yang mengambil kesempatan dari harga dolar yang rendah. Harga timah juga meningkat apabila China di terima sebagai anggota ke lapan ATPC. Walau bagaimanapun pemulihan harga yang kekal dalam jangka masa pendek tidak berkemungkinan berlaku disebabkan stok timah yang besar di LME dan Agensi Pertahanan Logistik (DLA) Amerika Syarikat. Berasaskan faktor-faktor tersebut, harga timah dijangka meningkat sebanyak 2.8% kepada RM13.50 sekilogram pada tahun 1994 berbanding dengan RM13.13 yang dicatatkan pada 1993.

Dalam tempoh enam bulan pertama 1994, EU terus kekal sebagai pasaran utama eksport timah dengan jumlah eksport sebanyak 7,240 tan metrik

atau 38.8% daripada jumlah eksport timah. Negara Jepun telah mengimport 3,606 tan metrik atau 19.4% jumlah eksport, manakala Korea Selatan kekal sebagai pasaran ketiga terbesar dengan jumlah import sebanyak 2,040 tan metrik atau 11%.

Prestasi Import

Berikutan kekukuhan permintaan dalam dan luar negeri, import kasar yang dinilai bersama dengan kos, insurans dan tambang (cif) dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 26% pada tahun 1994 (1993: 15.8%). Kenaikan yang ketara ini terutamanya disebabkan oleh pertambahan dalam jumlah import, memandangkan harga import hanya meningkat sebanyak 0.1%, manakala nilai import pula meningkat sebanyak 29.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994.

Nilai import barang-barang perantaraan yang menyumbang sebanyak 43.9% daripada jumlah import dijangka meningkat sebanyak 29.6% pada tahun 1994, manakala barang-barang pelaburan yang menyumbang sebanyak 40.8% pula meningkat sebanyak 26.4%. Jangkaan kenaikan yang ketara nilai import barang-barang pelaburan adalah selaras dengan kepesatan pertumbuhan pelaburan dalam negeri, sementara kenaikan nilai import barang-barang perantaraan yang ketara mencerminkan sebahagiannya kandungan import yang tinggi dalam sektor perkilangan. Selaras dengan jangkaan kenaikan perbelanjaan penggunaan swasta, kadar pertumbuhan nilai import barang-barang pengguna dijangka lebih tinggi walaupun masih sederhana sebanyak 14.4% pada tahun 1994. Prestasi terperinci nilai import kasar mengikut fungsi ekonomi bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.7.

Jadual 7.7

Import Kasar Mengikut Fungsi Ekonomi¹
(Januari-Julai)

	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)	
	1993	1994	1993	1994	1993	1994
Barang-barang pelaburan	26.6	34.4	11.5	29.3	41.0	40.8
Barang-barang perantaraan	27.4	37.0	14.3	35.3	42.2	43.9
Barang-barang penggunaan	10.6	12.4	4.1	17.2	16.3	14.7
Import untuk dieksport	0.3	0.5	-14.1	47.4	0.5	0.5
Bijih timah	0.2	0.3	-35.9	42.7	0.3	0.3
Getah asli	0.1	0.2	50.2	53.3	0.2	0.2
JUMLAH	64.9	84.3	11.2	29.9	100.0	100.0

¹ Dianggarkan mengikut data terperinci bagi tempoh lima bulan yang dikumpulkan oleh Bank Negara Malaysia.

Sumber: Jabatan Perangkaan

Barang-Barang Pelaburan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, nilai import barang-barang pelaburan berkembang sebanyak 29.3% selepas mencatatkan kenaikan sebanyak 11.5% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Ini adalah berikutan pembentukan modal yang lebih tinggi, terutamanya dalam sektor perkilangan, pembinaan, pengangkutan dan telekomunikasi. Nilai import peralatan pengangkutan meningkat semula dengan ketara pada tahun 1994, terutamanya disebabkan pengimportan kapal terbang perdagangan dan kapal tangki LNG, berikutan langkah-langkah pembesaran dan peningkatan mutu yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat penerbangan dan perkapalan. Nilai import jentera meningkat dengan ketara berikutan kenaikan yang lebih tinggi import jentera bagi sektor perkilangan. Nilai import barang-barang pelaburan lain juga meningkat dengan pesat, terutamanya disebabkan kenaikan yang ketara import peralatan elektrik dan telekomunikasi. Berikutan pertumbuhan yang kukuh import barang-barang pelaburan, sumbangannya kepada jumlah import meningkat kepada 40.8% bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 (lihat jadual 7.8).

Barang-Barang Perantaraan

Nilai import barang-barang perantaraan yang menyumbang sebanyak 43.9% daripada jumlah import, berkembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 35.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 (Januari-Julai 1993: 14.3%). Ini adalah berikutan kenaikan yang ketara dalam import bahan-bahan untuk perkilangan disebabkan pertumbuhan permintaan dalam negeri dan eksport barang-barang perkilangan yang pesat. Kenaikan import bahan-bahan untuk perkilangan yang menyumbang sebanyak 82% daripada jumlah import barang-barang perantaraan adalah disebabkan pertumbuhan import alat ganti komponen elektronik, emas separa perkilangan dan alat-alat ganti bagi pemasangan kenderaan bermotor yang pesat. Pertumbuhan import alat ganti komponen elektronik adalah untuk memenuhi permintaan dalam negeri dari industri perkakas elektrik dan industri-industri perkhidmatan yang kian meningkat, sementara kenaikan import emas separa perkilangan yang ketara adalah berikutan penghapusan duti import ke atas emas bukan wang sejak bulan Julai 1993. Import bahan-bahan untuk bangunan dan pembinaan berkembang

Jadual 7.8

Import Barang-Barang Pelaburan (Januari-Julai)

	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)	
	1993	1994	1993	1994
Keluaran logam	17	11	14	13
Besi, keluli dan logam bukan ferus	15	14	12	11
Lain-lain	27	-5	2	2
Peralatan pengangkutan	-15	29	14	14
Kenderaan perdagangan	-21	46	1	1
Kapal terbang dan alat ganti	10	3	10	8
Kapal dan bot	-59	172	2	4
Atomobil dan bas	-65	63	0.1	0.1
Lain-lain	-49	39	1	1
Jentera	7	24	28	27
Perkilangan	1	23	11	11
Lain-lain	11	25	17	16
Lain-lain barang-barang pelaburan	26	39	43	47
Janakuasa	17	64	11	14
Peralatan elektrik dan telekomunikasi	34	33	18	19
Lain-lain	25	26	14	14
JUMLAH	11.5	29.3	100	100
Sumber: Jabatan Perangkaan				

dengan pesat dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, berikutan perkembangan yang terus kukuh dalam aktiviti-aktiviti pembinaan di sektor awam dan swasta. Selaras dengan peningkatan permintaan dan harga makanan, import bahan-bahan untuk pertanian dan ternakan juga mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, import barang-barang perantaraan yang lain, terutamanya bahan bakar, petroleum mentah dan keluaran petroleum merosot disebabkan pertambahan bekalan dalam negeri (lihat Jadual 7.9).

Barang-Barang Penggunaan

Nilai import barang-barang penggunaan meningkat sebanyak 17.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 (Januari-Julai 1993: 4.1%), mencerminkan peningkatan permintaan

Jadual 7.9**Import Barang-Barang Perantaraan
(Januari-Julai)**

	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)	
	1993	1994	1993	1994
Bahan-bahan untuk pertanian dan ternakan	11	4	3	2
Binatang hidup dan makanan binatang	12	11	1	1
Baja dan racun rumpai	11	-1	2	1
Bahan-bahan untuk perkilangan	18	39	80	82
Alat ganti pemasangan kenderaan bermotor	2	38	4	4
Kimia	4	11	7	5
Makanan	12	7	5	4
Bahan-bahan plastik	11	11	6	5
Alat ganti komponen elektrik	32	49	37	41
Emas separa perkilangan	-7	132	3	6
Lain-lain	14	31	18	17
Bahan-bahan bangunan dan pembinaan	5	51	7	8
Bahan-bahan bangunan seperti simen, tanah liat, asbestos dan kaca	40	16	2	1
Tiub, paip, perkakas dan alat ganti logam	-5	59	3	4
Lain-lain	3	64	2	3
Barang-barang perantaraan lain	-4	3	10	8
Bahan bakar, petroleum mentah dan keluaran petroleum	-21	-12	5	3
Lain-lain	22	18	5	5
JUMLAH	14.3	35.3	100	100

Sumber: Jabatan Perangkaan

dalam negeri. Sungguhpun pertumbuhan import barang-barang penggunaan adalah pesat, sumbangannya kepada jumlah nilai import kasar terus merosot kepada 14.7% (Januari-Julai 1993: 16.3%). Barang-barang penggunaan tahan lama yang mencatatkan pertumbuhan yang pesat termasuk gramafon, alat perakam suara, peralatan muzik dan perkakas dapur. Berikutan kenaikan permintaan dan harga dalam negeri bagi makanan, nilai import beras dan bijian, sayur dan buah-buahan juga mencatatkan kenaikan yang pesat.

Selaras dengan peningkatan taraf hidup, nilai import perkakas rumah dan barang-barang kosmetik, pakaian, kain dan kasut serta barang-barang permainan dan peralatan sukan juga menunjukkan peningkatan yang ketara (lihat Jadual 7.10).

Nilai barang-barang yang diimport untuk dieksport semula yang terutamanya terdiri daripada bijih timah dan getah asli masih kecil iaitu 0.5% daripada jumlah import. Namun demikian, pengimportan barang-barang tersebut yang diproses dalam negeri sebelum dieksport semula, meningkat sebanyak 47.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 disebabkan kemerosotan pengeluaran dalam negeri bagi getah dan bijih timah (lihat Jadual 7.7).

Jadual 7.10**Import Barang-Barang Penggunaan
(Januari-Julai)**

	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)	
	1993	1994	1993	1994
Makanan	8	11	20	19
Beras dan bijian	-14	22	2	2
Sayur dan buah-buahan	15	16	5	5
Daging dan ikan	11	12	5	5
Lain-lain	10	5	8	7
Minuman dan tembakau	-1	11	2	2
Barang-barang penggunaan tahan lama	19	23	22	23
Kenderaan dan alat ganti	43	-5	3	3
Perkakas dapur	32	12	9	9
Lain-lain	3	43	10	12
Barang-barang penggunaan lain	-2	17	56	56
Bahan bakar dan keluaran petroleum	-30	14	5	5
Pakaian, kain dan kasut	-8	13	14	14
Perkakas rumah dan kosmetik	9	31	8	9
Barang-barang permainan dan peralatan sukan	-19	10	1	1
Lain-lain	8	16	27	26
JUMLAH	4.1	17.2	100	100

Sumber: Jabatan Perangkaan

Haluan Perdagangan


Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, jumlah perdagangan luar Malaysia terus berkembang sebanyak 26.1% kepada RM168 bilion (Januari-Julai 1993: 15.5%). Pada paras ini, Malaysia menduduki tempat ke 19 sebagai pengeksport dan pengimport terbesar di dunia. Eksport kasar yang dinilai tanpa tambang dan insurans (fob) berkembang sebanyak 22.5% (Januari-Julai 1993: 19.8%) dan menyumbang sebanyak 49.8% daripada jumlah perdagangan, sementara import kasar yang dinilai cif meningkat sebanyak 29.9% (Januari-Julai 1993: 11.2%) dan menyumbang sebanyak 50.2% daripada jumlah perdagangan. Berikutan nilai import yang berkembang lebih pesat daripada nilai eksport, Malaysia mencatatkan defisit dalam imbalan perdagangan sebanyak RM598 juta (Januari-Julai 1993: lebih banyak RM3.4 bilion). Jepun terus menjadi rakan dagangan Malaysia terbesar dengan jumlah perdagangan sebanyak RM32.9 bilion atau menyumbang sebanyak 19.6% daripada jumlah perdagangan Malaysia, diikuti dengan AS (19.1%), Singapura (17.6%) dan EU (13.2%). Perdagangan dengan negara-negara ekonomi perindustrian baru

(NIEs) di Asia termasuk Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong, menyumbang sebanyak 10.4% daripada jumlah perdagangan.

Dari segi eksport, Singapura, AS, EU, Jepun dan negara-negara NIEs di Asia terus kekal sebagai pasaran utama Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, menyumbang sebanyak 78.3% daripada jumlah eksport (Januari-Julai 1993: 80.4%). Eksport ke AS meningkat dengan ketara sebanyak 29% manakala eksport ke EU berkembang sebanyak 17.4%. Begitu juga, eksport ke Singapura dan Jepun meningkat dengan agak pesat. Jepun, AS, Singapura, EU dan negara-negara NIEs di Asia adalah merupakan pengeksport utama ke Malaysia dengan membekal kira-kira 82% daripada jumlah import Malaysia (Januari-Julai 1993: 82.3%), dengan peningkatan import yang pesat dari EU (48.1%), Jepun (28.2%), negara-negara NIEs di Asia (27%) dan Singapura (24.3%).

Negara **Jepun** mengekalkan kedudukannya sebagai rakan dagangan terpenting Malaysia, dengan jumlah perdagangan bernilai RM32.9 bilion atau 19.6% daripada jumlah perdagangan Malaysia

Carta 7.7
Haluan Perdagangan
(Januari - Julai 1994)



Angka-angka di dalam rajah merupakan peratus daripada jumlah.
Sumber : Jabatan Perangkaan

dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994. Jumlah perdagangan dengan Jepun berkembang pesat sebanyak 23% dalam tempoh tersebut (Januari-Julai 1993: 17.9%). Ini dicerminkan oleh kenaikan import yang ketara dari Jepun sebanyak 28.2% (Januari-Julai 1993: 18.4%) kepada RM22.8 bilion. Eksport ke Jepun, walau bagaimanapun, meningkat secara perlahan sebanyak 12.6% (Januari-Julai 1993: 17.1%) kepada RM10.1 bilion. Akibatnya, Malaysia terus mencatatkan defisit perdagangan dengan Jepun, berjumlah RM12.7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 (Januari-Julai 1993: RM8.8 bilion). Eksport ke Jepun terdiri terutamanya daripada bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan dan jentera dan peralatan pengangkutan, yang bersama-sama menyumbang 76% daripada jumlah eksport

Malaysia ke Jepun dalam tempoh setengah tahun pertama 1994 (lihat Jadual 7.11). Eksport bahan-bahan mentah yang tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir ke Jepun, walau bagaimanapun, telah berkurangan berikutan pengurangan eksport getah (-26.8%) timah (-11.7%), minyak mentah (-12.9%) dan LNG (-10.2%). Import jentera dan peralatan pengangkutan adalah yang terbesar (70%) daripada jumlah import dari Jepun.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan AS meningkat sebanyak 26.1% kepada RM32.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994. Dengan ini, AS menjadi rakan dagangan kedua terbesar Malaysia menyumbang sebanyak 19.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport

Jadual 7.11
Perdagangan dengan Jepun
(Januari-Jun)

	Eksport				Import			
	Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)	
	1993	1994	1993	1994	1993	1994	1993	1994
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak ¹	5	6	8	21	0	0	11	4
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir ²	51	40	4	-14	1	1	37	-11
Barang-barang perkilangan, perantaraan ³	11	11	60	11	24	21	15	13
Jentera dan peralatan pengangkutan ⁴	27	36	39	48	67	70	19	35
Barang-barang perkilangan, barangan siap ⁵	6	7	26	44	6	6	9	28
Pelbagai ⁶	0	0	24	53	1	1	1,730	14
JUMLAH	100	100	18	11	100	100	20	28

¹ Termasuk kod Klasifikasi Piawaian Perdagangan Antarabangsa (SITC) 0, 1 dan 4.

² Termasuk SITC 2 dan 3.

³ Termasuk SITC 5 dan 6.

⁴ Termasuk SITC 7 sahaja.

⁵ Termasuk SITC 8 sahaja.

⁶ Termasuk SITC 9 sahaja.

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 7.12
Perdagangan dengan Amerika Syarikat
(Januari-Jun)

	Eksport				Import			
	Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)	
	1993	1994	1993	1994	1993	1994	1993	1994
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	3	2	-9	-2	2	2	-9	26
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	2	2	8	20	3	3	118	13
Barang-barang perkilangan, perantaraan	5	5	24	29	11	10	18	9
Jentera dan peralatan pengangkutan	74	77	43	38	77	77	34	21
Barang-barang perkilangan, barangan siap	16	14	20	20	5	6	26	51
Pelbagai	0	0	138	-27	2	2	243	55
JUMLAH	100	100	35	33	100	100	34	22

Sumber: Jabatan Perangkaan

ke AS meningkat sebanyak 29% kepada RM17.7 bilion, sementara import dari AS berkembang sebanyak 22.6% kepada RM14.4 bilion. Oleh itu, lebihan perdagangan sebanyak RM3.3 bilion telah dicatatkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 (Januari-Julai 1993: RM2 bilion). Data setengah tahun pertama 1994 menunjukkan bahawa sejumlah 77% eksport ke AS adalah terdiri daripada jentera dan peralatan pengangkutan yang mana 35% daripada jumlah eksport ke AS adalah terdiri daripada injap themionik, tiub dan bateri foto (lihat Jadual 7.12). Dari segi import, jentera dan peralatan pengangkutan juga menyumbang sebahagian besar (77%) daripada jumlah import Malaysia dari AS.

Perdagangan dengan **Singapura** terus berkembang sebanyak 21.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 (Januari-Julai 1993: 7.7%) terutamanya disebabkan kenaikan nilai eksport sebanyak 19.1% dan nilai import sebanyak 24.3% berbanding dengan 9.9% bagi eksport dan

4.6% bagi import yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1993. Singapura, rakan dagangan ketiga terbesar Malaysia, menyumbang sebanyak 17.6% atau RM29.5 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia. Data setengah tahun pertama menunjukkan bahawa sebahagian besar (61%) daripada jumlah eksport ke Singapura adalah terdiri dari jentera dan peralatan pengangkutan, manakala barang-barang perkilangan lain menyumbang 20% (lihat Jadual 7.13). Import dari Singapura kebanyakannya terdiri dari jentera dan peralatan pengangkutan (63%) dan bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir (14%).

Perdagangan dengan negara-negara **EU** dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 bernilai RM22.3 bilion, meningkat sebanyak 30.3% dan menyumbang sebanyak 13.2% daripada jumlah perdagangan. Jumlah eksport ke negara-negara EU meningkat sebanyak 17.4%, sementara jumlah import dari negara-negara EU berkembang dengan

Jadual 7.13
Perdagangan dengan Singapura
(Januari-Jun)

	Eksport				Import			
	Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)	
	1993	1994	1993	1994	1993	1994	1993	1994
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	10	8	-3	1	1	1	-7	0
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	16	10	18	-28	19	14	-9	-7
Barang-barang perkilangan, perantaraan	11	12	20	20	15	12	0	3
Jentera dan peralatan pengangkutan	51	61	8	39	56	63	5	43
Barang-barang perkilangan, barangan siap	10	8	-1	-2	5	5	3	23
Pelbagai	2	1	614	-11	4	5	54	53
JUMLAH	100	100	10	18	100	100	2	27

Sumber: Jabatan Perangkaan

pesat sebanyak 48.1%. Sungguhpun nilai import berkembang lebih pesat dari nilai eksport, Malaysia masih mencatatkan lebih perdagangan dengan negara-negara EU meskipun lebih kecil iaitu RM1.1 bilion berbanding dengan lebih sebanyak RM2.8 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1993. Eksport ke Jerman meningkat dengan perlahan sebanyak 10.4% tetapi import dari Jerman berkembang dengan ketara sebanyak 42.6%, dengan itu mengakibatkan defisit perdagangan sebanyak RM579 juta. Namun demikian, perdagangan dengan UK terus berada dalam kedudukan lebihan (RM229 juta). Sebahagian besar perdagangan dengan negara-negara EU adalah terdiri daripada jentera dan peralatan pengangkutan (lihat Jadual 7.14).

Perdagangan Malaysia dengan **negara-negara NIEs di Asia**, tidak termasuk Singapura, menyumbang 10.4% daripada jumlah perdagangan dengan nilai RM17.5 bilion, meningkat sebanyak 19.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun

1994. Eksport meningkat sebanyak 12.8% iaitu lebih perlahan daripada pertumbuhan import yang tinggi sebanyak 27%, dengan itu mengakibatkan defisit sebanyak RM112 juta. Antara negara-negara NIEs, perdagangan dengan Taiwan adalah yang tertinggi. Import dari Korea Selatan berkembang dengan pesat sebanyak 41.5% dan dari Taiwan sebanyak 21.3%, manakala import dari Hong Kong meningkat 20.7%. Sebahagian besar eksport ke dan import dari negara-negara NIEs adalah terdiri dari jentera dan peralatan pengangkutan dan barang-barang siap perkilangan seperti ditunjukkan pada Jadual 7.15.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, perdagangan dengan negara-negara **ASEAN** (tidak termasuk Singapura) berkembang sebanyak 31.5% kepada RM9.4 bilion, menyumbang sebanyak 5.6% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke negara-negara ini berkembang dengan pesat sebanyak 33% (Januari-Julai 1993: 10%), lihat Jadual 7.16. Barang-barang eksport utama masih

Jadual 7.14

Perdagangan dengan Kesatuan Eropah
(Januari-Jun)

	Eksport				Import			
	Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)	
	1993	1994	1993	1994	1993	1994	1993	1994
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	9	10	0	32	5	4	19	12
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	11	9	-4	6	3	2	47	-23
Barang-barang perkilangan, perantaraan	9	9	2	20	28	26	-12	45
Jentera dan peralatan pengangkutan	54	56	43	25	55	57	-4	59
Barang-barang perkilangan, barangan siap	17	15	10	0	5	5	-15	35
Pelbagai	0	0	60	16	4	6	24	173
JUMLAH	100	100	22	19	100	100	-4	53

Sumber: Jabatan Perangkaan

terdiri daripada jentera dan peralatan pengangkutan serta bahan api galian dan pelincir yang menyumbang kira-kira 60% daripada jumlah eksport Malaysia ke negara-negara ini. Import dari negara-negara ini juga berkembang pesat sebanyak 30%, sebahagian besarnya terdiri dari makanan dan jentera dan peralatan pengangkutan yang menyumbang sebanyak 56% daripada jumlah import. Dengan pertumbuhan eksport melebihi pertumbuhan import, perdagangan dengan negara-negara ini terus mencatatkan lebihan sebanyak RM1.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, berbanding dengan lebihan sebanyak RM1.2 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1993.

Perdagangan dengan negara **China** berkembang pesat sebanyak 54.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 (Januari-Julai 1993: 32.6%), mencerminkan kenaikan eksport yang ketara sebanyak 72% dan import sebanyak 35%. Kini negara China menyumbang sebanyak

2.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Dengan pertumbuhan eksport berkembang dengan lebih pesat daripada import, perdagangan Malaysia dengan China mencatatkan lebihan yang lebih besar sebanyak RM873 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 (Januari-Julai 1993: RM186 juta). Barang-barang import utama dari China adalah terdiri daripada barang-barang makanan, barangan kaca, ubat-ubatan dan barangan farmasi, manakala eksport Malaysia ke China sebahagian besar terdiri daripada komoditi utama seperti kayu balak, getah dan minyak kelapa sawit serta barang-barang perkilangan.

Perdagangan dengan **Australia** terus berkembang sebanyak 33% dan dengan **New Zealand** sebanyak 26% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994. Dalam kes Australia, pertumbuhan import (36%) adalah lebih pesat dari eksport (27%), dengan itu mengakibatkan defisit perdagangan sebanyak RM1.3 bilion. Sebaliknya eksport ke New Zealand berkembang

Jadual 7.15

Perdagangan dengan Negara-Negara Ekonomi Perindustrian Baru di Asia¹
(Januari-Jun)

	Eksport				Import			
	Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)	
	1993	1994	1993	1994	1993	1994	1993	1994
Makanan minuman, tembakau, minyak dan lemak	6	7	23	30	2	1	-7	-8
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	36	24	18	-27	1	1	81	30
Barang-barang perkilangan, perantaraan	17	20	43	29	36	31	7	12
Jentera dan peralatan pengangkutan	36	43	33	35	50	56	2	44
Barang-barang perkilangan, barangan siap	4	6	32	69	8	7	-5	13
Pelbagai	1	0	83	14	3	4	104	59
JUMLAH	100	100	28	12	100	100	5	29

¹ Termasuk Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong sahaja.

Sumber: Jabatan Perangkaan


Jadual 7.16

Huluan Perdagangan dengan Rakan Dagangan Lain
(Januari-Jun)

	Eksport				Import				Imbangan perdagangan	
	Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)		Sumbangan (%)		Perubahan tahunan (%)		(RM juta)	
	1993	1994	1993	1994	1993	1994	1993	1994	1993	1994
ASEAN (tidak termasuk Singapura)	31	30	10	33	26	25	13	30	1,170	1,628
China	13	16	76	72	13	13	4	35	186	873
Australia	6	6	-10	27	15	15	20	36	-895	-1,301
New Zealand	3	3	147	43	3	3	-10	9	11	143
Asia Barat	11	9	13	15	5	3	20	-13	848	1,142
Eropah Timur	0	1	-35	271	1	1	-29	86	-38	11
Rakan dagangan kecil lain	36	35	15	31	37	40	-5	47	577	7
JUMLAH	100	100	18	36	100	100	4	35	1,859	2,571
(Sumbangan kepada jumlah eksport atau import)	20	22			18	18				

Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 7.8
Imbangan Perdagangan
(Januari - Julai 1994)



Sumber : Jabatan Perangkaan

dengan lebih pesat (43%) berbanding dengan pertumbuhan import (9%). Oleh itu, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM143 juta dalam tempoh yang sama. Import dari kedua-dua negara ini sebahagian besarnya terdiri dari keluaran tenusu, gandum, daging dan gula mentah, manakala eksport ke negara-negara ini terdiri dari komoditi utama, barang-barang perkilangan serta jentera dan peralatan pengangkutan.

Perdagangan dengan negara-negara **Asia Barat** yang menyumbang hanya 1% daripada jumlah perdagangan Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama, meningkat sebanyak 7%. Jumlah eksport meningkat sebanyak 15% (Januari-Julai 1993: 13%), manakala nilai import merosot sebanyak 13% (Januari-Julai 1993: 20%). Sebahagian besar daripada jumlah perdagangan ini adalah dengan negara Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi dan Jordan, yang bersama-sama menyumbang sebanyak 72% daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan Asia Barat. Barang-barang eksport utama ke negara-negara Asia Barat adalah minyak kelapa sawit mentah, barang-barang perkilangan serta jentera dan peralatan

pengangkutan, manakala kira-kira separuh daripada jumlah import dari Asia Barat terdiri dari bahan api galian.

Perdagangan dengan negara-negara **Eropah Timur** meningkat sebanyak 150% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, dengan negara Poland menyumbang 49% daripada jumlah perdagangan ini. Secara keseluruhan, perdagangan dengan negara-negara ini masih menguntungkan Malaysia dengan lebih yang kecil iaitu RM11 juta. Barangan eksport utama ke negara-negara ini adalah minyak kelapa sawit, getah, barang-barang perkilangan serta jentera dan peralatan pengangkutan.

Data untuk tujuh bulan pertama 1994 juga menunjukkan bahawa perdagangan dengan Indo-China dan Myanmar serta Amerika Tengah dan Selatan juga telah meningkat, walaupun sumbangan kepada jumlah perdagangan adalah kecil. Perdagangan dengan Indo-China meningkat sebanyak 13.4%, menyumbang sebanyak 0.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia sementara Amerika Tengah dan Selatan meningkat sebanyak 48.3% menyumbangkan sebanyak 1.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia.

RENCANA 4

Perubahan Corak Perdagangan

Pendahuluan

Malaysia, sebagai ekonomi terbuka, sangat bergantung kepada perdagangan luar untuk pembangunan ekonominya. Perdagangan luar (termasuk eksport dan import) memberi sumbangan yang besar dan semakin meningkat kepada Keluaran Negara Kasar (KNK). Ini mencerminkan betapa pentingnya perdagangan antarabangsa kepada ekonomi negara. Sumbangan perdagangan barangan sebanyak 73% daripada KNK pada tahun 1970 telah meningkat kepada 140% pada tahun 1993.

Haluan Perdagangan Luar Negeri

Haluan perdagangan luar negeri Malaysia tidak banyak berubah sejak tahun 1970. Negara Jepun, Amerika Syarikat (AS), Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Kesatuan Eropah (EU) dan negara-negara Asia Timur merupakan rakan-

rakan perdagangan yang menyumbang lebih 80% daripada jumlah perdagangan Malaysia dalam tempoh 1971-93. Sungguhpun susunan kedudukan mereka mengikut jumlah dagangan dengan Malaysia telah berubah dalam tempoh tersebut, negara-negara tersebut masih kekal sebagai rakan dagangan utama Malaysia. Perubahan yang jelas ialah negara-negara Asia Timur (termasuk Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan dan China) telah menjadi semakin penting sebagai rakan dagangan utama Malaysia. Sebaliknya, negara-negara EU tidak lagi menjadi rakan dagangan yang utama kepada Malaysia.

Haluan perdagangan luar Malaysia mempunyai kaitan yang rapat dengan negara-negara asal pelaburan asing, terutamanya dalam sektor perkilangan oleh kerana firma-firma asing yang melabur dalam sektor perkilangan di Malaysia, pada amnya mendapatkan bekalan barang-barang perantaraan dari syarikat-syarikat induk atau bersekutu mereka di negara asal mereka. Barang-barang yang diproses itu kemudian akan dieksport balik ke negara asal mereka atau ke pasaran lain.

Jadual 1

Haluan Perdagangan Mengikut Pasaran Utama

	1970		1980		1990		1993		Pertumbuhan tahunan purata (%) 1971-93
	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	
Amerika Syarikat	1,039	11	8,137	16	26,720	17	44,485	19	18
Kesatuan Eropah	2,050	22	8,634	17	23,418	15	31,153	13	13
– UK	920	10	2,049	4	7,448	5	8,769	4	10
– Jerman	371	4	2,292	4	6,486	4	8,914	4	15
Jepun	1,694	18	11,795	23	31,563	20	47,959	20	16
ASEAN	2,276	24	10,208	20	38,010	24	57,001	24	15
– Singapura	1,434	15	8,138	16	29,852	19	44,193	19	16
Asia Timur	740	8	3,954	8	19,000	12	31,227	13	18
– Korea Selatan	145	2	987	2	5,711	4	7,731	3	19
– Hong Kong	158	2	851	2	4,021	2	7,362	3	18
– Taiwan	142	2	1,045	2	6,051	4	10,180	4	20
– China	295	2	1,023	2	3,186	2	5,912	3	14
Lain-lain	1,652	17	8,895	17	20,054	12	26,813	11	13
JUMLAH	9,451	100	51,623	100	158,765	100	238,638	100	15

Seperti juga dengan corak perdagangan luar negeri Malaysia, negara Jepun, AS, ASEAN, negara-negara Asia Timur dan EU merupakan pelabur asing yang utama di Malaysia. Negara-negara tersebut menyumbang sejumlah 65% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam tempoh tahun 1980-an dan 79% dalam tempoh 1991-93. Dalam tempoh 1981-93, jumlah pelaburan yang diluluskan dari negara-negara Asia Timur meningkat pada kadar purata 30% setahun, berbanding dengan 18% bagi keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan. Justeru itu, negara-negara Asia Timur menyumbang sebanyak 26% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam tempoh 1980-93. Ini adalah selaras dengan bertambah pentingnya perdagangan luar Malaysia dengan negara-negara Asia Timur daripada 8% jumlah perdagangan antarabangsa Malaysia pada tahun 1980 kepada 13% pada tahun 1993.

Haluan Eksport

Negara-negara ASEAN, AS, Jepun, EU dan Asia Timur terus menjadi pasaran utama eksport Malaysia. Pasaran-pasaran tersebut telah menjadi

bertambah penting sejak tahun 1970 hingga 1993. Negara-negara tersebut menyumbang sebanyak 83% daripada eksport dagangan kasar Malaysia pada tahun 1970. Kadar ini telah meningkat kepada 89% pada tahun 1993 dengan nilai hampir RM110 bilion (sila lihat Jadual 2).

Pada tahun 1970, negara-negara ASEAN merupakan pasaran terbesar bagi eksport Malaysia menyumbang sebanyak 25% dengan jumlah eksport. Negara-negara EU merupakan pasaran kedua terbesar (20%), diikuti oleh Jepun (18%) dan AS (13%). Pasaran Asia Timur hanya menyumbang sebanyak 6% daripada jumlah eksport. Pada tahun 1993, negara-negara ASEAN kekal sebagai pasaran terbesar bagi eksport Malaysia menyumbang sebanyak 28% daripada jumlah eksport. Walau bagaimanapun, kebanyakan eksport Malaysia ke ASEAN adalah ke Singapura. AS pula merupakan pasaran kedua terbesar (20%), diikuti dengan EU (15%), Jepun (13%) dan Asia Timur (13%). Sebagai pasaran eksport, AS, ASEAN dan Asia Timur telah menjadi semakin penting dalam tempoh 1971-93, sementara negara-negara EU dan Jepun merosot dalam tempoh tersebut.

Jadual 2

Haluan Eksport Malaysia Mengikut Pasaran Utama

	1970		1980		1990		1993		Pertumbuhan tahunan purata (%) 1971-93
	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	
Amerika Syarikat	671	13	4,609	16	13,487	17	24,631	20	17
Kesatuan Eropah	1,047	20	4,962	18	11,863	15	17,549	15	13
– UK	342	7	779	3	3,136	4	5,105	4	13
– Jerman	162	3	1,017	4	3,097	4	4,431	4	16
Jepun	944	18	6,429	23	12,589	16	15,729	13	13
ASEAN	1,311	25	6,348	22	23,048	29	33,783	28	15
– Singapura	1,113	22	5,385	19	18,052	23	26,307	22	15
Asia Timur	330	6	2,112	8	9,605	12	16,139	13	18
– Korea Selatan	134	3	569	2	3,677	5	4,155	3	16
– Hong Kong	64	1	529	2	2,523	3	4,994	4	21
– Taiwan	65	1	498	2	1,728	2	3,888	3	20
– China	67	1	471	2	1,675	2	3,094	3	18
Lain-lain	860	17	3,712	13	9,054	11	13,383	11	13
JUMLAH	5,163	100	28,172	100	79,646	100	121,214	100	15

Mengikut negara secara individu, Singapura, Jepun dan AS adalah merupakan pasaran eksport utama Malaysia. Negara-negara ini merupakan pasaran bagi 53% daripada jumlah eksport Malaysia pada tahun 1970. Pada tahun 1993, sumbangan negara-negara ini melebihi 50% daripada jumlah eksport Malaysia. Singapura adalah merupakan pasaran eksport terbesar pada tahun 1970 dan terus kekal sehingga tahun 1993 dengan sumbangan kira-kira 22% daripada jumlah eksport Malaysia. Negara Jepun merupakan pasaran eksport yang kedua terbesar pada tahun 1970. Walau bagaimanapun, kedudukan ini telah diambil alih oleh AS dalam tahun 1990-an.

Eksport ke negara-negara lain di dunia telah berkurangan daripada 17% jumlah eksport Malaysia pada tahun 1970 kepada 11% pada tahun 1993. Namun demikian, kenaikan eksport yang ketara ke negara-negara Selatan telah dicatatkan. Misalnya, eksport ke negara Indo-China dan Myanmar telah meningkat secara purata 16% setahun dalam tempoh 23 tahun yang lampau dari paras yang rendah iaitu RM21 juta pada tahun 1970 kepada RM665 juta pada tahun 1993. Eksport ke benua Afrika telah meningkat dengan kadar purata tahunan sebanyak 20% daripada RM19 juta kepada RM1.2 bilion dalam tempoh yang sama.

Jadual 3
Struktur Eksport dan Import

	Eksport (% dari jumlah)				Per- tumbuhan tahunan purata (%)	Import (% dari jumlah)				Pertum- buan tahunan purata (%)
	1970	1980	1990	1993		1970	1980	1990	1993	
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak ¹	12	15	12	9	14	21	11	7	5	9
Bahan-bahan mentah tak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir ²	61	57	33	19	9	20	20	8	6	10
Barang-barang perkilangan, perantaraan ³	23	14	9	12	11	25	25	24	23	15
Jentera dan peralatan pengangkutan ⁴	2	11	36	49	33	28	39	50	56	19
Barang-barang perkilangan, barangan siap ⁵	1	2	10	10	28	5	4	6	6	16
Pelbagai ⁶	1	1	*	1	12	1	1	5	4	21
JUMLAH (RM bilion)	100 (5.2)	100 (28.2)	100 (79.6)	100 (121.2)	15	100 (4.3)	100 (23.5)	100 (79.1)	100 (117.4)	16

¹ Termasuk kod Klasifikasi Piawaian Perdagangan Antarabangsa (SITC) 0, 1 dan 4.

² Termasuk SITC 2 dan 3.

³ Termasuk SITC 5 dan 6.

⁴ Termasuk SITC 7 sahaja.

⁵ Termasuk SITC 9 sahaja.

⁶ Termasuk SITC 9 sahaja.

* Angka kurang dari 0.5%.

Jadual 4
Perdagangan dengan Jepun

	Eksport (% dari jumlah)				Per- tumbuhan tahunan purata (%)	Import (% dari jumlah)				Pertum- buan tahunan purata (%)
	1970	1980	1990	1993		1970	1980	1990	1993	
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	4	5	4	5	14	3	1	*	*	8
Bahan-bahan mentah tak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	65	80	68	48	12	1	1	1	1	18
Barang-barang perkilangan, perantaraan	31	12	7	11	8	49	34	25	23	14
Jentera dan peralatan pengangkutan	*	2	18	29	50	42	60	67	68	20
Barang-barang perkilangan, barang siap	*	1	3	7	38	5	4	7	6	19
Pelbagai	*	*	*	*	13	*	*	*	1	26
JUMLAH (RM bilion)	100 (0.9)	100 (6.4)	100 (12.5)	100 (15.7)	13	100 (0.8)	100 (5.4)	100 (19.1)	100 (32.2)	16

* Angka kurang dari 0.5%.

Kedudukan kelima-lima negara tersebut dari segi hubungan dagangan dengan Malaysia telah berubah sepanjang tempoh yang dikaji. Pada masa yang sama, struktur eksport ke pasaran-pasaran ini juga telah berubah selaras dengan struktur keseluruhan aliran perdagangan luar negeri. Hasil daripada usaha-usaha kerajaan untuk mempelbagaikan eksport, asas eksport Malaysia telah menjadi lebih luas. Perkembangan pesat perindustrian telah menyebabkan perubahan struktur eksport daripada eksport bahan-bahan mentah dan barang perantaraan perkilangan kepada barang-barang perkilangan yang telah siap seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

Struktur perdagangan luar Malaysia dengan **Jepun** sebagai rakan dagangan terbesar telah berubah walaupun tidak begitu ketara sepanjang tempoh 23 tahun, seperti yang ditunjukkan dalam

Jadual 4. Pada tahun 1970, eksport ke Jepun terdiri kebanyakannya dari bahan-bahan mentah yang tidak boleh dimakan, bahan api, galian dan pelincir serta barang-barang perantaraan perkilangan iaitu 96% daripada jumlah eksport ke Jepun. Menjelang tahun 1993 terdapat perubahan ke arah eksport jentera (elektrik, bukan elektrik dan elektronik) dan peralatan pengangkutan serta barang-barang siap perkilangan. Walau bagaimanapun, sumbangan eksport bahan-bahan mentah dan barang-barang perantaraan perkilangan masih tinggi iaitu 59%, sementara eksport jentera dan peralatan pengangkutan telah meningkat daripada peratus yang kecil dalam tahun 1970 kepada 36% pada tahun 1993.

Seperti juga perdagangan dengan negara Jepun, eksport ke **AS** tertumpu kepada bahan mentah dan barang-barang perantaraan

perkilangan pada tahun 1970. Sumbangan eksport barang-barang ini adalah sebanyak 93% daripada jumlah eksport ke AS pada tahun 1970 (sila lihat Jadual 5). Selaras dengan aliran pelaburan asing yang lebih besar dari AS terutamanya dalam sektor pengeluaran barang-barang elektrik dan elektronik, kandungan eksport ke AS juga berubah. Pada tahun 1993, 90% daripada eksport terdiri daripada jentera dan peralatan pengangkutan dan barangan siap perkilangan.

Corak perdagangan eksport ke **Singapura** hampir sama dengan struktur keseluruhan perdagangan antarabangsa Malaysia. Ini adalah terutamanya disebabkan jumlah perdagangan yang agak besar ini dieksport semula, memandangkan Singapura adalah sebuah pelabuhan 'entrepot' utama di rantau ini. Pada tahun 1970, eksport

ke Singapura kebanyakannya terdiri daripada makanan, minuman dan tembakau dan bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan yang menyumbang sebanyak 87% daripada jumlah eksport (sila lihat Jadual 6). Pada tahun 1993, struktur eksport adalah lebih pelbagai sungguhpun terdapat tumpuan kepada eksport jentera dan peralatan pengangkutan (55%).

Negara-Negara Pembekal Utama

Seperti juga dalam kes eksport, negara-negara EU, ASEAN, AS, Jepun dan negara-negara Asia Timur juga merupakan pembekal utama import ke Malaysia. Pada tahun 1970, negara-negara EU dan ASEAN merupakan pembekal utama import ke Malaysia dengan sumbangan masing-masing

Jadual 5
Perdagangan dengan Amerika Syarikat

	Eksport (% dari jumlah)				Per- tumbuhan tahunan purata (%)	Import (% dari jumlah)				Pertum- buan tahunan purata (%)
	1970	1980	1990	1993		1970	1980	1990	1993	
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	5	6	4	3	13	14	6	3	2	9
Bahan-bahan mentah tak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	33	48	8	2	4	5	3	3	3	16
Barang-barang perkilangan, perantaraan	60	11	5	5	5	16	19	12	11	17
Jentera dan peralatan pengangkutan	*	31	66	74	64	59	66	77	76	20
Barang-barang perkilangan, barangan siap	2	3	17	16	29	4	4	4	6	21
Pelbagai	*	1	*	*	12	2	2	1	2	20
JUMLAH (RM bilion)	100 (0.7)	100 (4.6)	100 (13.5)	100 (24.6)	17	100 (0.4)	100 (3.5)	100 (13.3)	100 (19.9)	19

* Angka kurang dari 0.5%.

Jadual 6
Perdagangan dengan Singapura

	Eksport (% dari jumlah)				Per- tumbuhan tahunan purata (%)	Import (% dari jumlah)				Pertum- buan tahunan purata (%)
	1970	1980	1990	1993		1970	1980	1990	1993	
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	20	22	12	9	11	20	5	1	1	3
Bahan-bahan mentah tak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	67	59	23	14	7	32	56	27	18	16
Barang-barang perkilangan, perantaraan	5	8	11	12	19	26	13	17	14	16
Jentera dan peralatan pengangkutan	5	10	44	55	28	4	20	42	55	33
Barang-barang perkilangan, barangan siap	2	1	10	9	24	8	4	6	5	17
Pelbagai	1	*	*	1	15	10	2	7	7	17
JUMLAH (RM billion)	100 (1.1)	100 (5.4)	100 (18.1)	100 (26.3)	15	100 (0.3)	100 (2.8)	100 (11.9)	100 (17.9)	19

* Angka kurang dari 0.5%.

sebanyak 23% daripada jumlah import, diikuti dengan Jepun (17%), negara-negara Asia Timur (10%) dan AS (9%) (sila lihat Jadual 7). Walau bagaimanapun, secara perbandingan kedudukan negara-negara EU dan ASEAN sebagai pembekal import kepada Malaysia telah menurun dalam tempoh 1971-93. Menjelang tahun 1993, sumbangan import dari EU berkurangan kepada 12% dan dari ASEAN kepada 20%. Sebaliknya, peratusan import dari AS dan Jepun, telah mengalami kenaikan yang ketara. Sumbangan import dari AS meningkat sebanyak 8 mata peratusan daripada 9% pada tahun 1970 kepada 17% pada tahun 1993, manakala sumbangan import dari Jepun meningkat sebanyak 10 mata peratusan daripada 17% kepada 27%. Dengan demikian, Jepun telah mengambil alih tempat ASEAN dan EU menjadi pembekal utama ke Malaysia dengan sumbangan sebanyak 27%

daripada jumlah import Malaysia pada tahun 1993. Tempat kedua ialah ASEAN dengan membekal 20% daripada jumlah import Malaysia, diikuti dengan AS (17%), Asia Timur (13%) dan EU (12%).

Mengikut negara secara individu, Jepun adalah merupakan pembekal utama import ke Malaysia pada tahun 1970 dengan sumbangan kira-kira 17% daripada jumlah import, sementara United Kingdom (UK) pula berada di tempat kedua dengan sumbangan 14% daripada jumlah import. Tempat ketiga ialah AS dengan 9%, diikuti dengan Singapura (8%). Menjelang tahun 1993, Jepun telah muncul sebagai pembekal utama import ke Malaysia, diikuti dengan AS (17%) dan Singapura. Walau bagaimanapun, import dari UK telah berkurangan dengan ketara kepada hanya 3% daripada jumlah import Malaysia.

Jadual 7
Negara-Negara Pembekal Utama

	1970		1980		1990		1993		Pertumbuhan tahunan purata (%) 1971-93
	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	
Amerika Syarikat	368	9	3,528	15	13,233	17	19,854	17	19
Kesatuan Eropah	1,003	23	3,672	16	11,555	15	13,604	12	12
– UK	578	14	1,271	5	4,312	5	3,667	3	8
– Jerman	209	5	1,274	5	3,389	4	4,483	4	14
Jepun	749	17	5,365	23	18,974	24	32,230	27	18
ASEAN	965	23	3,860	16	14,962	19	23,218	20	15
– Singapura	320	8	2,753	12	11,800	15	17,886	15	19
Asia Timur	410	10	1,842	8	9,394	12	15,089	13	17
– Korea Selatan	11	–	418	2	2,034	3	3,576	3	29
– Hong Kong	94	2	321	2	1,497	2	2,368	2	15
– Taiwan	76	2	546	2	4,323	5	6,293	5	21
– China	229	5	551	2	1,511	2	2,818	2	12
Lain-lain	792	18	5,183	22	11,001	14	13,429	11	13
JUMLAH	4,288	100	23,451	100	79,119	100	117,423	100	15

Selaras dengan perubahan penekanan dalam ekonomi negara, struktur import juga berubah dari import pelbagai barangan kepada import barang-barang perantaraan perkilangan, jentera dan peralatan pengangkutan. Dari segi import dari **Jepun**, struktur import kekal tidak berubah, dengan barang-barang perantaraan perkilangan, jentera dan peralatan pengangkutan menyumbang lebih daripada 90% daripada jumlah import dalam tempoh 23 tahun yang lampau. Namun demikian, terdapat perubahan yang ketara iaitu dari import barang-barang perantaraan perkilangan kepada import jentera dan peralatan pengangkutan (sila lihat jadual 4). Berikutan itu, sumbangan barang-barang perantaraan perkilangan yang diimport merosot daripada 49% pada tahun 1970 kepada 23% pada tahun 1993, manakala import jentera dan peralatan pengangkutan meningkat daripada 42% kepada 68%.

Mengenai import dari **AS**, ianya lebih pelbagai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Pada tahun 1970, import makanan, minuman dan tembakau, barang-barang perantaraan

perkilangan dan jentera dan peralatan pengangkutan merupakan hampir 90% daripada jumlah import Malaysia, yang mana 59% adalah import jentera dan peralatan pengangkutan. Dalam tempoh 23 tahun yang lalu, jentera dan peralatan pengangkutan kekal sebagai kategori import yang terbesar dari AS dan sumbangannya telah meningkat daripada 59% pada tahun 1970 kepada 76% pada tahun 1993, berikutan kenaikan import injap termionik untuk industri elektronik.

Bagi import dari **Singapura**, strukturnya lebih pelbagai dengan import makanan, minuman, tembakau, bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan dan barang-barang perantaraan perkilangan menyumbang 78% daripada jumlah import (sila lihat Jadual 6). Menjelang tahun 1993, terdapat perubahan ke arah import bahan-bahan mentah, barang-barang perantaraan perkilangan dan jentera dan peralatan pengangkutan, yang mana jentera dan peralatan pengangkutan menyumbang 55% daripada jumlah import dari Singapura.

Imbangan Perdagangan

Malaysia mencatatkan lebih dagangan dengan lima buah rakan dagangan utama, kecuali dengan Jepun dalam tempoh 23 tahun yang lalu (sila lihat Jadual 8). Dengan Jepun, Malaysia mengalami defisit perdagangan yang membesar sejak tahun 1988. Ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh kenaikan nilai yen yang telah mengakibatkan kenaikan nilai import Malaysia dari Jepun. Keadaan itu telah mendorong syarikat-

syarikat Jepun menempatkan firma-firma mereka di Malaysia yang telah menyebabkan kenaikan import dari Jepun. Keadaan ini diberatkan lagi oleh pertumbuhan ekonomi Jepun yang lembap pada awal tahun 1990-an yang menyebabkan eksport Malaysia ke Jepun meningkat dengan perlahan dan import dari Jepun oleh syarikat-syarikat Jepun di Malaysia bertambah kerana kebanyakan syarikat-syarikat di Jepun mengalami masalah lebih penawaran dengan kemerosotan permintaan dalam negeri.

Jadual 8

**Imbangan Perdagangan Mengikut
Pasaran Utama**
(RM juta)

	1970	1980	1990	1993
Amerika Syarikat	302	1,081	254	4,778
Kesatuan Eropah	44	1,290	308	3,945
Jepun	195	1,064	-6,385	-16,500
ASEAN	345	2,488	8,086	10,565
Asia Timur	-80	269	211	1,050
Lain-lain	68	-1,471	-1,946	-46
JUMLAH	875	4,721	528	3,791

Kesimpulan

Walaupun struktur perdagangan Malaysia telah berubah agak ketara dalam tempoh 23 tahun yang lampau, haluan perdagangan Malaysia secara umumnya tidak berubah. Negara-negara ASEAN, EU, Asia Timur, AS dan Jepun masih merupakan rakan dagangan utama Malaysia. Namun demikian, kedudukan antara mereka sebagai rakan dagangan Malaysia telah berubah-ubah. Apa yang paling jelas ialah kemerosotan kedudukan negara-negara EU, berikutan aliran perdagangan dengan UK yang semakin berkurangan. Sebaliknya perdagangan dengan AS dan negara-negara Asia Timur bertambah kukuh, lantas meningkatkan sumbangan pasaran mereka kepada perdagangan luar Malaysia.

Imbangan Pembayaran

Kedudukan keseluruhan imbangan pembayaran dijangka terus mencatatkan lebih pada tahun 1994. Namun demikian, akaun semasa diramalkan terus bertambah buruk berikutan defisit akaun perkhidmatan yang bertambah besar dan lebih akaun dagangan yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, defisit akaun perkhidmatan akan diimbangi oleh kemasukan modal jangka panjang yang terus besar, meskipun terdapat sedikit aliran keluar modal jangka pendek.

Akaun Semasa

Berikutan kekukuhan permintaan luar negeri bagi barang-barang perkilangan yang berterusan, eksport dagangan dijangka menunjukkan prestasi yang lebih baik pada tahun 1994. **Eksport**

dagangan yang dinilai fob dijangka terus berkembang sebanyak 22.2% pada tahun 1994 (1993: 17.3%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan **import dagangan** dijangka melebihi pertumbuhan eksport dagangan iaitu sebanyak 25.9% (1993: 19.3%). Pertumbuhan import dagangan yang pesat sebahagiannya disebabkan oleh import barang-barang 'bulky' termasuk kapal terbang, kapal tangki LNG dan peralatan pelantar minyak, yang dijangka meningkat sebanyak 31.6% kepada RM6.9 bilion (1993: RM5.3 bilion). Dengan pertumbuhan import melebihi pertumbuhan eksport, akaun dagangan dianggar mencatatkan lebihan yang lebih kecil iaitu RM5.9 bilion, bersamaan dengan 3.4% daripada KNK (RM8.2 bilion atau 5.3% daripada KNK pada tahun 1993).

Defisit **akaun perkhidmatan** dijangka terus bertambah besar pada tahun 1994 dan meningkat kepada RM17.7 bilion, bersamaan dengan 10.3%

Jadual 7.17

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran
(RM juta)

	1993			1994 ^a		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
Akaun dagangan (Eksport dan import fob)	118,366	110,173	8,193	144,607	138,730	5,877
Akaun perkhidmatan	19,548	34,499	-14,951	24,266	42,007	-17,741
— Tambang dan insurans	1,927	6,817	-4,890	2,314	8,601	-6,287
— Pengangkutan lain	2,846	3,072	-226	3,008	3,163	-155
— Perjalanan	5,638	4,732	906	6,941	5,965	976
— Pendapatan pelaburan	4,714	12,888	-8,174	6,363	15,399	-9,036
— Urus niaga kerajaan	302	312	-10	434	416	18
— Perkhidmatan lain	4,121	6,678	-2,557	5,206	8,463	-3,257
Akaun barangan dan perkhidmatan	137,914	144,672	-6,758	168,873	180,737	-11,864
Bayaran pindahan	888	479	409	705	498	207
Akaun semasa	138,802	145,151	-6,349	169,578	181,235	-11,657

^a Anggaran

daripada KNK (RM15 bilion atau 9.7% daripada KNK pada tahun 1993). Pertambahan defisit perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh penghantaran balik keuntungan dan dividen yang terus besar, berikutan aliran masuk pelaburan asing yang tinggi pada tahun-tahun yang lalu, kenaikan bayaran bersih bagi tambang dan insurans berikutan perkembangan perdagangan yang pesat serta bayaran bersih bagi kontrak dan perkhidmatan profesional yang lebih tinggi. Walaupun terimaan bersih akaun perjalanan dijangka bertambah baik, tetapi ianya tidak dapat mengimbangi defisit dalam akaun-akaun perkhidmatan yang lain.

Seperti pada tahun-tahun sebelum ini, **pendapatan pelaburan** dijangka kekal sebagai penyumbang utama kepada defisit perkhidmatan. Aliran keluar bersih pendapatan pelaburan dijangka meningkat lagi kepada RM9 bilion pada tahun 1994, iaitu 50.9% daripada jumlah defisit perkhidmatan (RM8.2 bilion atau 54.7% pada tahun 1993). Aliran keluar pendapatan pelaburan kasar, sebahagian besarnya terdiri dari penghantaran balik keuntungan dan dividen, terutamanya dari sektor perkilangan, minyak dan gas dijangka meningkat lagi kepada RM15.4 bilion pada tahun 1994 (RM12.9 bilion pada tahun 1993). Sebaliknya, terimaan bersih pendapatan pelaburan, terdiri dari

feadah ke atas rizab luar negeri dan pendapatan yang dihasilkan daripada tuntutan-tuntutan kewangan lain dijangka meningkat dengan perlahan kepada RM6.4 bilion (RM4.7 bilion pada tahun 1993).

Begitu juga aliran keluar bersih bagi **tambang dan insurans** yang dianggarkan meningkat kepada RM6.3 bilion pada tahun 1994 (RM4.9 bilion pada tahun 1993), iaitu 35.4% daripada jumlah defisit perkhidmatan. Selaras dengan pertumbuhan perdagangan yang pesat, bayaran bagi tambang dan insurans dijangka meningkat sebanyak 26.2% kepada RM8.6 bilion (RM6.8 bilion pada tahun 1993). Pendapatan kasar dari tambang dan insurans, walau bagaimanapun, dianggarkan meningkat sedikit kepada RM2.3 bilion (RM1.9 bilion pada tahun 1993), dengan itu menyebabkan bayaran bersih yang lebih tinggi bagi tambang dan insurans.

Akaun '**perkhidmatan lain**' dijangka terus mencatatkan defisit sebanyak RM3.3 bilion pada tahun 1994, iaitu 18.4% daripada jumlah defisit perkhidmatan. Bayaran bagi 'perkhidmatan lain' sebahagian besarnya terdiri dari bayaran kontrak dan khidmat profesional, yuran pengurusan dan agensi, komisen, gaji dan elaun dijangka meningkat kepada RM8.5 bilion (RM6.7 bilion pada tahun 1993). Jumlah terimaan dari 'perkhidmatan lain' juga dijangka meningkat, walaupun pada kadar yang lebih perlahan kepada RM5.2 bilion (RM4.1 bilion pada tahun 1993), berikutan jangkaan pendapatan kontrak dan khidmat profesional, perdagangan barangan, sewa dan royalti yang lebih tinggi.

Pengangkutan lain, yang terdiri daripada tambang penumpang, bayaran pendaratan pelabuhan dan lapangan terbang, bayaran minyak dan yuran sewa khas, dijangka mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil iaitu RM155 juta pada tahun 1994 (RM226 juta pada tahun 1993). Dengan jangkaan pertambahan pendapatan syarikat penerbangan, jumlah terimaan dianggarkan meningkat kepada RM3 bilion (2.8 bilion pada tahun 1993), sementara pembayaran kasar dianggarkan meningkat kepada RM3.2 bilion (RM3.1 bilion pada tahun 1993).

Akaun **perjalanan** dijangka mencatatkan lebihan bagi tahun kelima berturut-turut sebanyak RM976 juta pada tahun 1994 (RM906 juta pada tahun 1993). Selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan sektor pelancongan di bawah kempen Tahun Melawat Malaysia, terimaan

daripada perjalanan dijangka meningkat sebanyak 23.1% kepada RM6.9 billion. Pembayaran bagi perjalanan, meliputi terutamanya perjalanan luar negeri rakyat Malaysia untuk tujuan pendidikan, pelancongan, perniagaan dan haji dianggarkan meningkat kepada RM6 bilion.

Dalam **urus niaga kerajaan**, aliran masuk bersih sebanyak RM18 juta dijangka dicatatkan pada tahun 1994, berbanding dengan aliran keluar sebanyak RM10 juta pada tahun 1993. Ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah (RM416 juta) yang dibuat oleh jabatan-jabatan Kerajaan Malaysia di luar negeri berbanding dengan terimaan (RM434 juta) daripada kerajaan asing bagi urus niaga yang sama.

Secara keseluruhan, defisit akaun perkhidmatan dijangka bertambah besar lagi kepada RM17.7 bilion pada tahun 1994 (RM15 bilion pada tahun 1993). Dengan jangkaan lebihan yang lebih kecil dalam akaun dagangan, **akaun semasa imbalan pembayaran** dijangka mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM11.7 bilion, bersamaan dengan 6.8% daripada KNK (defisit sebanyak RM6.3 bilion atau 4.1% daripada KNK pada tahun 1993).

Akaun Modal

Akaun modal jangka panjang imbalan pembayaran dijangka mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM20.9 bilion pada tahun 1994, berbanding dengan RM14.4 bilion pada tahun 1993. Ini adalah disebabkan aliran masuk modal jangka panjang rasmi yang lebih tinggi dan kemasukan pelaburan korporat yang terus besar.

Aliran masuk bersih **modal jangka panjang rasmi** dijangka mencatatkan kenaikan yang ketara pada tahun 1994 iaitu sebanyak RM7.9 bilion. Ini adalah terutamanya disebabkan pinjaman luar negeri yang lebih tinggi oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK), yang mana melebihi jumlah bayaran balik dan bayaran awal pinjaman luar negeri oleh Kerajaan Persekutuan. Pinjaman kasar oleh PABK dijangka meningkat dengan ketara kepada RM12.5 bilion, manakala bayaran kasar dijangka hanya meningkat kepada RM2.4 bilion. Aliran masuk bersih **pelaburan korporat**, walaupun merosot, dijangka terus tinggi pada paras RM13 bilion (13.4 bilion pada tahun 1993). Aliran masuk pelaburan korporat yang ketara sejak tahun 1989 disebabkan oleh kenaikan pelaburan asing dalam sektor perkilangan dan sektor minyak.

Dengan mengambil kira kedudukan bersih akaun semasa dan akaun modal, **imbangan asas** dijangka mencatatkan lebihan yang lebih besar pada tahun 1994 iaitu RM9.3 bilion (RM8.1 bilion pada tahun 1993). Berikutan perbezaan kadar faedah yang menguntungkan Malaysia semakin kecil dan langkah-langkah yang dikenakan oleh Kerajaan sejak bulan Januari sehingga Ogos 1994 untuk mengurangkan aliran masuk modal spekulasi serta kerugian tukaran asing akibat kenaikan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS, modal jangka pendek bersih, termasuk ralat dan ketinggalan dijangka mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM4 bilion. Oleh itu, kedudukan keseluruhan imbalan pembayaran dijangka mencatatkan lebihan yang lebih kecil iaitu RM5.3 bilion pada tahun 1994 (RM29.2 bilion pada tahun 1993). Justeru itu, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia dijangka meningkat sebanyak RM5.3 bilion kepada RM81.7 bilion pada akhir tahun 1994, mencukupi untuk membiayai 6.7 bulan import tertangguh.

Pasaran Pertukaran Asing

Nilai ringgit merosot berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dalam tempoh dua bulan pertama tahun 1994, tetapi kemudiannya beransur menjadi kukuh terutama terhadap dolar Amerika Syarikat. Kemerosotan nilai ringgit pada akhir tahun 1993 dan awal 1994 adalah disebabkan terutamanya oleh permintaan perdagangan untuk dolar Amerika Syarikat untuk tujuan membawa balik keuntungan oleh syarikat multinasional, pembayaran import dan aktiviti spekulasi yang dijalankan dengan jangkaan ringgit akan menjadi lebih kukuh pada tahun hadapan. Bank Negara Malaysia dalam usahanya untuk mengekalkan pasaran pertukaran asing yang teratur telah memperkenalkan beberapa langkah dalam tempoh dua bulan pertama tahun 1994 untuk menyerap lebihan kecairan yang berpunca daripada aliran masuk dana jangka pendek luar negeri. Walaupun langkah-langkah tersebut memberi tekanan ke atas ringgit, namun langkah-langkah tersebut telah berjaya mengurangkan aliran masuk dana untuk tujuan spekulasi. Berikutan dari itu, pada bulan Mei dan Ogos, Bank Negara Malaysia menamatkan empat halangan ke atas pergerakan modal. Pada akhir bulan Ogos 1994, ringgit telah kembali kukuh ke paras AS\$1=RM2.56 dan RM2.55 yang dicapai dalam kebanyakan tempoh 1993.


Bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, jumlah urus niaga dalam pasaran pertukaran asing

berjumlah RM384.8 juta, di mana 61.2% adalah pertukaran bagi dolar Amerika Syarikat. Berbanding dengan nilai komposit yang meliputi mata wang rakan dagangan utama Malaysia, ringgit meningkat sebanyak 2% daripada kedudukan pada akhir tahun 1993. Dari segi Hak Pengeluaran Khas (SDR), unit perakaunan IMF, nilai ringgit merosot sebanyak 1% kepada SDR1=RM3.6975 pada akhir bulan Ogos 1994 (akhir 1993: SDR1=RM3.6609).

Nilai ringgit meningkat sebanyak 1% berbanding dengan **dolar Amerika Syarikat (AS\$)** daripada RM2.7010=AS\$1 pada akhir tahun 1993 kepada RM2.6735=AS\$1 pada akhir suku pertama tahun 1994. Pada akhir bulan Jun 1994, ringgit terus meningkat sebanyak 3.8% mencapai paras RM2.6027=AS\$1. Pada keseluruhannya, untuk tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, nilai ringgit meningkat sebanyak 5.8% berbanding dengan dolar AS, mencapai tahap RM2.5530=AS\$1, berbanding dengan peningkatan sebanyak 2.3% bagi tempoh yang sama tahun 1993. Sementara nilai ringgit berbanding dengan dolar AS ditentukan di pasaran pertukaran asing di Kuala Lumpur, nilai ringgit berbanding dengan mata wang lain, adalah ditentukan melalui kadar pertukaran melintang yang mencerminkan penawaran dan permintaan secara relatif terhadap mata wang tertentu berbanding dolar AS. Apabila nilai dolar AS lemah terhadap yen, akibat lebihan dagangan yang memihak kepada Jepun, nilai yen yang lebih kukuh telah menghapuskan peningkatan nilai ringgit yang sedikit terhadap dolar AS. Ini menyebabkan nilai ringgit merosot berbanding dengan yen.

Dari segi **yen Jepun (¥)**, nilai ringgit lemah dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994 akibat dari kekukuhan nilai yen Jepun berbanding dengan mata wang utama dalam pasaran pertukaran wang asing antarabangsa. Walaupun prestasi ekonomi Jepun pada amnya lemah, nilai yen Jepun meningkat terutamanya disebabkan oleh lebihan dagangan dengan Amerika Syarikat yang besar. Pada akhir suku pertama tahun 1994, nilai ringgit merosot sebanyak 7.1% kepada ¥100=RM2.5982, berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 1993. Nilai ringgit terus merosot sebanyak 8.2% pada akhir suku kedua tahun 1994 kepada ¥100=RM2.6286 berbanding dengan akhir tahun 1993. Pada keseluruhannya, dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994 nilai ringgit merosot sebanyak 5.5% untuk ditutup pada ¥100=RM2.5525 pada akhir bulan Ogos 1994.

Carta 7.9
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia^{1/}



1/ Pada akhir Mac, Jun, September and Disember

2/ RM = ¥ 100

3/ Pada 30 Ogos 1994

↑ Kenaikan nilai Ringgit Malaysia
↓ Kesusutan nilai Ringgit Malaysia

Prestasi ringgit berbanding dengan **dolar Singapura (S\$)** adalah lemah dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994. Dalam tempoh suku pertama tahun 1994, nilai ringgit merosot sebanyak 1.4% mencatatkan rekod rendah pada S\$1=RM1.7040, berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 1993. Dalam tempoh suku kedua, nilai ringgit terus merosot sebanyak 1.6% kepada S\$1=RM1.7077 berbanding dengan kedudukan pada akhir 1993. Kemerosotan nilai ringgit berbanding dolar Singapura, disebabkan terutamanya oleh kekukuhan nilai dolar Singapura di pasaran pertukaran asing antarabangsa. Secara keseluruhannya, dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, nilai ringgit merosot sebanyak 1.2% tahun untuk ditutup pada S\$1=RM1.7018 pada akhir bulan Ogos 1994.

Nilai ringgit mencatatkan prestasi yang bercampur berbanding dengan **pound sterling (£)** dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, selepas merosot sebanyak 1.2% untuk ditutup pada RM3.9901=£1 pada akhir tahun 1993. Pemulihan ekonomi yang dialami oleh UK dan kenaikan kadar faedah mendorong kekukuhan pound sterling di pasaran pertukaran asing antarabangsa berbanding dengan lain-lain mata wang negara Eropah. Dalam tempoh suku pertama 1994, nilai ringgit meningkat sebanyak 0.7% untuk ditutup pada RM3.9608=£1 pada akhir bulan Mac 1994. Walau bagaimanapun, nilai ringgit merosot semula sebanyak 0.8% pada akhir suku kedua 1994, berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 1993. Pada akhir bulan Ogos 1994 nilai ringgit meningkat semula berbanding dengan pound sterling dan diniagakan pada RM3.9172=£1.

Berbanding dengan **deutschemark (DM)**, nilai ringgit merosot dalam tempoh suku pertama tahun 1994. Ringgit merosot sebanyak 2.5% untuk ditutup pada RM1.5968=DM1 pada akhir bulan Mac 1994, berbanding dengan RM1.5575=DM1 pada akhir tahun 1993, terutamanya disebabkan oleh prestasi deutschemark yang kukuh berbanding dengan dolar AS di pasaran pertukaran asing antarabangsa. Berbanding dengan dolar AS, nilai deutschemark meningkat sebanyak 3.6% pada akhir Mac dan 9.2% pada akhir Jun 1994. Nilai ringgit berbanding deutschemark pada akhir bulan Jun 1994, merosot sebanyak 5% kepada RM1.6397=DM1. Nilai ringgit terus lemah berbanding dengan deutschemark sebanyak 3.7% untuk ditutup pada paras RM1.6175=DM1 pada akhir bulan Ogos 1994 disebabkan deutschemark bertambah kukuh sebanyak 9.9% berbanding dengan dolar AS.

RENCANA 5

Penggunaan Rangkaian Pertukaran Data Elektronik (EDI) dalam Memudahkan Perdagangan dan Pelaksanaannya di Malaysia

Pendahuluan

Rangkaian Pertukaran Data Elektronik atau EDI adalah satu sistem pertukaran maklumat yang terdapat pada dokumen-dokumen perdagangan yang standard melalui rangkaian perhubungan komputer dengan komputer secara langsung. Prinsip asas EDI ialah di mana dokumen urusniaga seperti pesanan dan invoice disalurkan daripada sistem komputer satu rakan niaga kepada sistem komputer rakan niaga yang lain melalui rangkaian telekomunikasi. Rakan niaga yang dimaksudkan meliputi syarikat, Jabatan Kerajaan, entiti perniagaan atau bukan perniagaan di mana organisasi berkenaan sering kali bertukar-tukar dokumen berbentuk data atau pesanan sepertimana yang lazim dilakukan dalam sesuatu urusniaga atau apa-apa urusan Kerajaan.

Penggunaan EDI didorong oleh perkembangan ekonomi dunia. Semakin banyak negara mula mengembangkan kegiatan ekonomi di luar sempadan negara masing-masing untuk menembusi pasaran antarabangsa. Bahan mentah yang dihasilkan di sesebuah negara dibawa ke negara lain untuk proses pengeluaran dan pemasangan, seterusnya di bawa ke negara lain untuk diedar dan digunakan. Disebalik pengaliran barang-barang secara fizikal yang kompleks yang melibatkan pemindahan, terdapat juga pengaliran dokumen/maklumat di antara berbagai pihak yang terlibat termasuk pengeksport dan pengimport, agen perkapalan, pengusaha terminal, syarikat insurans, bank-bank dan agensi-agensi Kerajaan.

Tanpa EDI, urusan pertukaran dokumen dan maklumat akan melibatkan penggunaan kertas yang banyak dan perakaman semula maklumat/data di setiap peringkat. Sebarang kelewatan atau kesilapan dalam menguruskan perkara ini akan memberi kesan secara langsung kepada penghantaran barangan.

Perlunya EDI

Pemakaian sistem pertukaran maklumat melalui EDI memberi faedah seperti berikut:

(a) Memudahkan Perdagangan Secara Global

Syarikat-syarikat besar pada masa ini cenderung memperoleh sumber-sumber dari

merata pelusok dunia bagi memenuhi keperluan masing-masing dengan berkesan. Inventori hanya disimpan dalam jangka masa yang paling minima dengan penghantaran sentiasa dilaksanakan berteepatan dengan masa. Bagi membolehkan pengendalian operasi seperti itu dijalankan dengan cekap, maklumat terkini mengenai sumber bahan-bahan dari pangkalan data antarabangsa, proses yang cepat dalam pertukaran dokumen dan perhubungan yang mudah antara pihak yang terlibat amatlah penting. Sistem EDI adalah penyelesaian terbaik untuk mencapai matlamat tersebut.

(b) Mewujudkan Aliran Pengangkutan yang Lancar

Bagi menyempurnakan penghantaran barangan dalam masa yang singkat, syarikat-syarikat perlu membuat tempahan ruang pengangkutan dan seterusnya menjejaki pergerakan barang dari mula ianya diangkut hingga kepada destinasi. Sistem EDI dapat memudahkan proses dokumentasi antara pelabuhan dan juga pergerakan barangan di dalam pelabuhan dengan menghubungkan broker kastam, agen penghantaran fret, pengusaha terminal, agen pengangkut dan agensi-agensi penguatkuasa.

(c) Perhubungan Secara Langsung dengan Badan-Badan Penguatkuasa

Terdapat kecenderungan supaya ditubuhkan satu pusat maklumat sistem EDI setempat di peringkat kebangsaan. Sesebuah syarikat itu hanya perlu didaftarkan sekali sahaja dan sekaligus semua jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan akan mempunyai kemudahan mendapat maklumat melalui sumber data yang dikongsi bersama. Ini dapat mengelakkan masalah pertindihan tugas dan kesulitan mengesahkan dokumen-dokumen.

(d) Urusan Kewangan melalui Elektronik

EDI boleh digunakan untuk menjayakan urusan pembiayaan perdagangan. Firma-firma yang mempunyai talian maklumat dengan bank dan institusi kewangan boleh membuat permohonan untuk mendapatkan kemudahan kewangan melalui rangkaian elektronik. Pembayaran dan penerimaan di antara bank juga boleh dipercepatkan. Satu rangkaian kemudahan telah dilancarkan baru-baru ini oleh EDI (M) Sdn Bhd dikenali sebagai Ringgit* Net yang merupakan satu contoh urusan pemindahan kewangan melalui EDI.

Pelaksanaan EDI di Malaysia

Pada tahun 1986, Jawatankuasa Kemudahan Perdagangan Kebangsaan (National Trade Facilitation Committee atau NFTC) yang ahlinya terdiri dari sektor awam (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Perbendaharaan dan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja) dan sektor swasta (Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM), Dewan-Dewan Perniagaan China, Melayu, India dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia) telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah-masalah yang melibatkan prosedur dan sebagainya yang dihadapi oleh golongan peniaga/pengusaha dalam perdagangan di peringkat antarabangsa. Jawatankuasa ini telah melantik pakar dari UNCTAD untuk mengkaji perkara ini. Pakar ini seterusnya telah memperkenalkan Sistem Dokumentasi Selaras (Aligned Documentation System-ADS) iaitu dokumen yang lebih ringkas dan selaras untuk digunakan oleh golongan peniaga/pengusaha. Penggunaan ADS membuka jalan kepada pelaksanaan EDI di Malaysia.

Menyedari pentingnya penglibatan sektor swasta, NFTC telah meminta kerjasama NCCIM untuk melaksanakan projek ini. Sehubungan dengan itu, satu perjanjian telah ditandatangani di antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (mewakili Kerajaan) dengan NCCIM pada 25 September 1989. NCCIM telah menubuhkan EDI (M) Sdn. Bhd untuk melaksanakan projek ini.

Bagi membolehkan Kerajaan mengawasi pelaksanaan EDI di Malaysia, "Electronic Data Interchange Implementation and Coordination Committee" (EDI/ICC) telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini ditugaskan untuk meneliti perkara-perkara berikut:

- (i) Pelaksanaan EDI dan implikasinya ke atas dokumentasi perundangan;
- (ii) Penubuhan piawaian EDI untuk Pentadbiran Perniagaan dan Perdagangan di Malaysia;
- (iii) Pelaksanaan "Port Klang Community System"; dan
- (iv) Perhubungan di antara Sistem Maklumat Kastam dan Dagang*Net iaitu "National EDI Clearing Centre" yang ditubuhkan oleh EDI (M) Sdn. Bhd.

EDI (M) Sdn. Bhd. telah melancarkan "National Clearing Centre", dan Dagang*Net di mana semua pesanan elektronik dan data pengguna di simpan dan disalurkan. Melalui satu saluran perhubungan Dagang*Net, peniaga-peniaga tempatan dapat berhubung secara elektronik bukan sahaja sesama mereka tetapi juga dengan sektor awam dan dengan rakan-rakan niaga mereka di luar negeri. Dua bentuk perkhidmatan yang disediakan oleh Dagang*Net ialah "Port Klang Community System" (PKCS) dan Ringgit*Net.

PKCS, iaitu sistem EDI yang beroperasi di pelabuhan, bertujuan menghubungkan pemilik kapal dengan pihak berkuasa pelabuhan, kastam, agensi penghantaran fret, bank dan lain-lain pihak yang terlibat. Sistem ini telah diperkenalkan untuk membantu semua yang terlibat di dalam perdagangan untuk mengantikan penggunaan kertas dengan peralatan elektronik.

Ujian Perintis PKCS telah dilancarkan pada 4 April 1994. Projek ini akan dilaksanakan di semua pelabuhan utama di Malaysia dengan pindaan-pindaan yang bersesuaian. Sistem EDI yang sama akan dilaksanakan di lapangan-lapangan terbang antarabangsa Malaysia, dimulai dengan "Subang Air Community System".

Ringgit*Net adalah satu rangkaian kemudahan yang disediakan bagi memudahkan urusan kewangan melalui EDI. Ia menghubungkan pengguna dengan institusi kewangan dan agensi-agensi Kerajaan untuk memudahkan urusan niaga pembayaran di antara pihak-pihak yang terlibat. Selaras dengan ini satu jawatankuasa kerja telah ditubuhkan di bawah Jabatan Akauntan Negara bertujuan mengkaji prosedur-prosedur yang terlibat dalam pembayaran duti kastam melalui EDI. Jawatankuasa ini telah memperkenalkan satu sistem pembayaran untuk diuji kesesuaiannya pada 1 September 1994.

Penutup

Kejayaan pelaksanaan EDI akan mewujudkan satu infrastruktur perdagangan berasaskan elektronik yang berkesan dan moden di Malaysia. Ini akan meningkatkan kecekapan dan produktiviti dengan mengurangkan penggunaan dokumen dan urusan kemasukkan semula data, meningkatkan pengaliran maklumat dan seterusnya menambah daya saing syarikat dan negara di peringkat antarabangsa.